AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 52 | RABU 26 DISEMBER, 1984. | رابو 2 ربيع الاخير 1405 | PERCUMA

## *Keberangkatan Kebawah D.Y.M.M. ke Mesir*

KAHERAH. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berangkat tiba di negara ini pada 17 Disember lepas dalam rangka lawatan rasmi ke negara-negara Timur Tengah.

Keberangkatan tiba Baginda dan rombongan di Lapangan Terbang Cairo disambut oleh Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak dan Puan Mubarak.

Sejurus kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dengan diiringi oleh Presiden Mohamed Hosni Mubarak dan Puan Mubarak dijunjung berangkat menaiki pesawat helikopter menuju Istana Kubbeh bagi upacara penghormatan.

Keberangkatan Baginda di Istana Kubbeh disambut dengan satu perbarisan kehormatan oleh kira-kira 100 orang anggota pengawal-pengawal keselamatan istana.

Setelah lagu kebangsaan kedua negara dimainkan, Baginda Yang Dipertuan dijunjung untuk memeriksa barisan kehormatan.

Kemudiannya empat orang kanak-kanak menyembahkan kalungan bunga ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam serta Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak dan Puan Mubarak.

Sejurus kemudian Baginda berdua dijunjung pula untuk diperkenalkan kepada ahli-ahli Petugas Kehormat (Mission of Honour) Kerajaan Republik Arab Mesir sebelum berangkat bersemayam di Istana Kubbeh.

*Laporan: Manap Rahman*



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah balas di Majlis Persantapan Malam Kenegaraan yang diberikan oleh T.Y.T. Presiden Mohamed Hosni Mubarak bagi meraikan Baginda dan rombongan — *Gambar disalin dari penyiaran TV.*

## Anugerah Bintang Tertinggi untuk Kebawah D.Y.M.M.

KAHERAH. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah dianugerahkan Bintang Kebesaran yang paling tinggi Republik Arab Mesir — Bintang Collar of the Nile.

Bintang Kebesaran tersebut dianugerahkan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak sejurus sebelum Majlis Santapan Negara bagi meraikan lawatan Diraja di Istana Abdine.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam pula dianugerahkan dengan Bintang Kebesaran Collar of the Kamal.

Sementara itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei telah menganugerahkan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam — Darjah Kerabat (D.K.) kepada Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak dan Puan Mubarak.

# HUBUNGAN DUA HALA MESIR/ BRUNEI AKAN DIPERLUASKAN

KAHERAH. — Negara Brunei Darussalam berhasrat akan meluaskan lagi perhubungan dua hala yang bermanfaat serta berkebajikan yang telah sedia ada dengan saudara berjiran, Republik Arab Mesir.

Perluasan kerjasama itu termasuklah usaha-usaha ke arah bidang kerjasama antara kedua negara yang sememangnya mempunyai kepentingan dan kemanfaatan bersama.

Dalam titah balas di Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Baginda di Istana Kubbeh di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertitah,

"Adalah sesungguhnya menjadi hasrat Beta untuk meluaskan lagi perhubungan negara Beta, Brunei Darussalam pada menyelidik bidang-bidang berasingan juga kerjasama di dalam perkara-perkara yang mempunyai kepentingan kemanfaatan bersama dengan Republik Arab Mesir."

Perhubungan yang telah sedia ada, titah Baginda adalah merupakan sumber kegembiraan bagi kedua negara dalam keadaan yang sentiasa muhibah dan berkemanfaatan serta diperkukuhkan lagi dengan kemasukan Brunei Darussalam dalam badan ASEAN yang dengan secara langsung berhubung melalui diplomatik dengan saudara berjiran.

"Dalam beberapa hal Negara Brunei Darussalam dan Republik Arab Mesir mempunyai tujuan-tujuan dan hasrat-hasrat yang sama dan berkebajikan, kedua-dua buah negara kita inginkan perdamaian, kestabilan dan pertubuhan ekonomi bagi rantau masing-masing," titah Baginda.

Baginda bertitah, Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang sedang membangun, memerlukan dan berkehendakkan latihan kemahiran.

Dalam hubungan ini, Republik Arab Mesir telah berusaha dan memberikan kerjasama serta kemudahan penempatan beberapa buah institusi pengajian bagi anak-anak tempatan.

Lihat muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerima anugerah Bintang Collar of the Nile dari Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak. *Gambar disalin dari penyiaran TV.*

## Usul adakan kerjasama dialu-alukan

KAHERAH. — Republik Arab Mesir mengalu-alukan cadangan untuk mengadakan usaha kerjasama dua hala antara negara tersebut dengan Brunei Darussalam.

Bidang kerjasama dua hala itu termasuklah dalam bidang ekonomi, kebudayaan, pelajaran serta berbagai bidang kerjasama yang banyak memberikan faedah kepada kedua negara.

Ini telah ditegaskan oleh Dr. Osama Ahbaz, Pengarah Jabatan Presiden menjelaskan perkara itu kepada para wartawan dalam pertemuan singkat selepas rundingan kedua pihak di peringkat rundingan empat mata antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni

Lihat muka 2

### MANISNYA IMAN

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

26 DISEMBER, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PERHATIAN KE ATAS DISIPLIN SEKOLAH

TERDAPAT penuntut-penuntut yang senghaja tidak mengindahkan peraturan sekolah, tidak memperdulikan peraturan asrama, tidak menghiraukan peraturan bilik-bilik darjah. Dan perkara ini, menurut Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan adalah diambil perhatian yang sungguh-sungguh oleh Kementeriannya.

Kita percaya perhatian yang dimaksudkan oleh Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan itu termasuklah mengambil langkah dalam jangka panjang secara merekodkan penyertaan penuntut-penuntut dalam kegiatan tambahan atau kegiatan luar darjah di mana menerusi langkah tersebut penuntut-penuntut akan dipimpin serta diberi ganjaran berdasarkan kegiatan dan keolahan masing-masing. Dipercayai apabila langkah tersebut dapat dilaksanakan dengan sempurna ia akan mewujudkan suatu suasana baharu di semua peringkat persekolahan di mana pihak-pihak berkenaan sekolah akan mempunyai 'vision' yang jelas dalam kepimpinan mereka.

Perkara disiplin sekolah tidaklah terhad kepada adanya peraturan-peraturan bahkan peraturan-peraturan itu sendiri mestilah diketarakan kepentingannya. Dalam makna inilah kita percaya Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sedang berusaha dengan sikap bukan sebagai pihak yang gemar mencari kesalahan dan menjatuhkan hukuman tetapi sesuai dengan tugas di bidang pendidikan yang bermaksud mencari dan menumbuhkan kebaikan serta mengelakkan keburukan. Sikap sedemikian bukanlah bermakna ia akan berdiam diri terhadap apa jua keolahan atau kelakuan yang boleh melemahkan cita-cita pendidikan. Kerana itulah Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan menegaskan jaminan Kementeriannya untuk memberi perlindungan kepada maruah serta keselamatan guru yang kita percaya jaminan tersebut ialah berikutan semakin menonjolnya perbuatan-perbuatan buruk segelintir penuntut-penuntut yang mengganggu dan mengancam guru-guru. Jaminan ini adalah serentak dengan pengakuan bahawa sikap yang lemah pada mendokong guru-guru yang dedikasi dan melaksanakan didikan budi pekerti hanya akan melemahkan keseluruhan sistem pendidikan kita, dan kelemahan pada mengambil tindakan yang tegas terhadap penuntut yang senghaja tidak mahu menyesuaikan diri dengan kehendak peraturan hanya akan menggagalkan dan merugikan perkembangan serta pembangunan masyarakat dan negara.

Maka tidak syak lagi perhatian berat yang diberikan oleh Kerajaan menerusi Kementerian berkenaan terhadap disiplin penuntut-penuntut telah meningkat ke suatu tahap baharu dengan adanya rancangan memberikan penghargaan dan ganjaran kepada semua penuntut yang iutanan di bidang pelajaran serta berpegang teguh kepada kehidupan yang bersusila dan berdisiplin. Dengan peningkatan ini bererti juga bertambahnya beban serta tanggungjawab di peringkat perlaksanaan. Dan kita percaya kejayaan rancangan bagi memperbaiki disiplin dan mewujudkan suasana saling menghargakan perbuatan baik sambil bertindak ke atas perbuatan yang buruk sudah barang setentunya bukan sahaja memerlukan peningkatan tanggungjawab bahkan yang lebih penting ialah kesediaan serta penglibatan terhadap matlamat rancangan berkenaan.

Pihak berkenaan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan telah semakin giat memberi perhatian serta mengambil langkah-langkah yang konkrit dalam mewujudkan suasana baharu di bidang pendidikan negara. Maka kesedaran semua peringkat untuk terlibat dan sedia memberikan commitment kepada objektif pendidikan negara sudah sepatutnya akan sama subur dan ketara di kalangan semua pihak.



TUAN Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak ketika berucap mengalu-alukan keberangkatan Baginda dan rombongan di Majlis Persantapan Malam Kenegaraan — *Gambar disalin dari penyiaran TV.*

# KEBERANGKATAN BAGINDA ERATKAN HUBUNGAN MESIR/BRUNEI DARUSSALAM

KAHERAH. — Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah sebagai pertanda tulen tentang minat Baginda dalam usaha meluaskan lagi perhubungan erat dua buah negara dalam semua bidang di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Arab Mesir.

Kerjasama tersebut sememangnya akan memberi kemanfaatan kepada rakyat kedua buah negara yang mempunyai kepentingan dan matlamat yang sama.

"Kami di sini sentiasa mengikuti dengan penuh minat dan kagum atas usaha-usaha yang Kebawah Duli Tuan Patik jalankan untuk kepentingan rakyat Kebawah Duli Tuan Patik dalam berbagai bidang sosial dan ekonomi."

Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak berucap demikian di Majlis Persantapan Malam Kenegaraan yang diberikan oleh beliau di Istana Abdine bagi meraikan pelawat Diraja Brunei itu.

Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak seterusnya menegaskan bahawa usaha-usaha tersebut kini ditekankan kepada bidang pelajaran, perusahaan dan perkembangan pertanian yang menurutnya amat berguna dalam usaha menghadapi cabaran masa kini.

Dalam menyentuh kerjasama bidang pengajian yang telah wujud begitu lama, Tuan Yang Terutama berkata, "Kami sememangnya bangga dan berasa sukacita menerima dan melihat bertambahnya bilangan penuntut-penuntut negara bersaudara dalam pengajian mereka di Universiti Al-Azhar dan beberapa institusi-institusi lain dan bergaul dengan saudara seugama di negara ini yang dengan sendirinya mengeratkan lagi perasaan persaudaraan dan persahabatan antara rakyat kedua negara bersaudara."

## Masalah antarabangsa juga dibincangkan

Dari muka 1

Mubarak yang berlangsung di Istana Kubbeh.

Dalam hal mengadakan hubungan dua hala dalam berbagai hal seperti yang diharapkan, negara ini dengan penuh sukacita dan hati terbuka akan memberikan bantuan sepenuhnya dalam apa jua bentuk dan usaha dari segi teknikal dan bidang pelajaran serta yang lainnya.

"Kami percaya melalui kerjasama ini kedua negara akan memperoleh kemanfaatan yang banyak seperti halnya dengan penuntut-penuntut yang sekarang berada di sini yang juga merupakan salah satu bidang bantuan dari kami," jelas Dr. Osama Ahbaz.

Dalam rundingan empat mata antara kedua pemimpin negara itu beberapa perkara penting juga telah disentuh.

Antaranya menurut beliau, kedua pemimpin menekankan tentang masalah yang menimpa Palestin dan juga kegentingan di Lebanon, peperangan Iran dan Iraq, dalam masalah yang menimpa Asia seperti pencerobohan tentera Vietnam di Kampuchea dan pengunduran tentera-tentera asing dari Afghanistan.

Perundingan empat mata antara kedua pemimpin negara yang berkemanfaatan itu kemudiannya diikuti dengan perundingan di peringkat rombongan yang berlangsung di Istana Kubbeh tempat bersemayam Baginda Yang Dipertuan dan telah berlangsung lebih satu jam.

# Bantuan Mesir kpd Brunei besar nilainya

Dari muka 1

Baginda Yang Dipertuan seterusnya bertitah, "Kami telah pun menghantar penuntut-penuntut ke negara ini selama lebih 20 tahun dan kebanyakan mereka telah pun pulang ke tanahair dan sekarang ini memberikan sumbangan kepada pembangunan negara."

"Bantuan yang berupa akademik dan latihan keugamaan yang diberikan oleh negara Tuan Yang Terutama kepada penuntut-penuntut kami adalah sangat besar nilainya dan adalah sangat-sangat dihargai."

Dalam menyatakan pendirian Negara Brunei Darussalam kepada dunia mengenai dengan masalah dan persoalan yang bergolak di peringkat antarabangsa, Baginda Yang Dipertuan bertitah,

"Dengan persoalan Palestin, Negara Brunei Darussalam menyokong penuh Pertubuhan Pembebasan Palestin di dalam perjanjian mereka untuk mendapatkan hak-hak rakyat Palestin."

Dalam pada itu, Negara Brunei Darussalam, titah Baginda lagi, sentiasa mengambil perhatian berat ke atas Afghanistan dan turut sama dalam menyeru pengunduran tentera-tentera asing dari negara tersebut dan pengembalian semula negara itu sebagai sebuah negara yang merdeka dan berkecuali.

Dalam persoalan di Timur Tengah dan kawasan berdekatan, Baginda juga telah menyatakan penghargaan akan peranan yang penting yang dimainkan oleh Republik Arab Mesir melalui usaha yang gigih dan penuh pengorbanan, bermanfaat dan berkebajikan demi perjuangan bangsa Arab.

"Kami ingin mendoakan kejayaan Tuan Yang Terutama di dalam usaha-usaha yang tidak putus-putus bagi mencapai penyelesaian yang adil dan bijaksana terhadap masalah-masalah di rantau ini," titah Baginda.

Baginda Yang Dipertuan juga menyentuh persoalan yang dihadapi di Asia-Asia Tenggara yang menurut Baginda memerlukan penyelesaian bagi kedamaian dan kestabilannya.

Negara Brunei Darussalam melalui ASEAN telah mengemukakan cadangan-cadangan membina bagi pengunduran tentera-tentera Vietnam dari Kampuchea bagi membolehkan rakyat Kampuchea memulakan perdamaian dan masa depan mereka sendiri.

"Walaupun pihak Vietnam berdegil dengan pendiriannya, ASEAN masih bersikap flexible dan cergas di dalam mencari sesuatu penyelesaian yang adil dan mudah-mudahan berkekalan," titah Baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Presiden Mohamed Hosni Mubarak ketika mengadapkan perbincangan di mana Baginda dan Tuan Yang Terutama Presiden membincangkan masalah antarabangsa. — *Gambar disalin dari penyiaran TV.*

# USAHA DBP MENGADAKAN PERADUAN SANGAT DIALU-ALUKAN

**Oleh: Abdul Karim HAB**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Usaha Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan Peraduan menulis Rencana Umum dan Buku Cerita Bergambar satu langkah baik bagi mengatasi masalah kekurangan bahan-bahan rujukan mengenai hal-ehwal tempatan.

Penolong Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran, Dayang Hajjah Azizah binti Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah ketika berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Rencana Umum dan Cerita Bergambar pada hari Jumaat lalu berkata Jabatan Pelajaran Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sangat mengalu-alukan usaha itu.

Menurutnya, masalah kekurangan bahan-bahan rujukan seringkali menjadi sungutan para penuntut negara ini yang menyediakan projek atau disertasi mereka mengenai hal-ehwal tempatan.

Katanya, keadaan itu perlu diperbaiki sekarang' sesuai dengan struktur pendidikan negara yang telah berubah.

"Struktur Pendidikan Negara yang selama ini menyediakan pendidikan dari peringkat pra-sekolah ke peringkat setinggi-tingginya Sijil Perguruan, peringkat lanjutan di sekolah-sekolah menengah dan BTEC (Business and Technical Education Council) di Pelajaran Menengah akan meningkat ke peringkat ijazah," katanya.

Menurut Penolong Pelajarn itu dalam masa yang sesingkat-singkatnya negara ini akan memulakan kursus-kursus peringkat ijazah yang mewajibkan penglibatan para penuntut dalam menyediakan projek-projek dan disertasi yang mengandungi berpuluh ribu perkataan.

"Secara langsung penyediaan projek-projek dan disertasi-disertsai itu akan memerlukan bahan-bahan rujukan yang teratur dan tepat," tegas beliau.

Beliau menjelaskan Jabatan Pelajaran menyedari kekurangan buku-buku lengkap yang boleh digunakan sebagai bahan asas atau rujukan yang sesuai digunakan dalam pengajaran konsep Melayu Islam yang baru saja diketengahkan dalam kurikulam sekolah.

Beliau menyeru para penulis memainkan peranan bersama menyediakan bahan-bahan sedemikian.

"Siapakah yang sepatutnya menyediakan bahan rujukan ini kalau tidak penulis-penulis tanahair sendiri," tegas Dayang Hajjah Azizah.



DAYANG Hajjah Azizah menyampaikan hadiah kepada pemenang pertama Peraduan Menulis Rencana Umum, Awang Haji Hashim.

## Pendidik tempatan diseru bergiat dalam penulisan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para pendidik tempatan yang berkelulusan dan mempunyai latar belakang ilmiah diseru bergiat dalam bidang penulisan.

Penolong Pengarah Pelajaran, Dayang Hajjah Azizah Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah juga menyarankan mereka mencubanya melalui peraduan-peraduan yang diadakan.

Menurutnya, di negara-negara yang mempunyai institusi-institusi pengajian tinggi kebanyakan institusi itu mempersyaratkan lantikan pensyarah-pensyarahnya supaya mereka sentiasa membuat pengkajian ilmiah dan menghasilkan rencana-rencana yang layak untuk dimuat dalam penerbitan seperti journal universiti.

Katanya, Negara Brunei Darussalam belum mampu mempersyaratkan sedemikian kepada pendidik tempatan tetapi mereka hendaknya jangan menunggu sehingga dipersyaratkan melakukannya.

"Masih banyak perkara-perkara yang boleh diteroka dan ditulis secara terperinci dengan membuat disiplin penulisan yang ilmiah dan tepat," katanya ketika berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Penulisan Rencana Umum dan Cerita Bergambar pada hari Ahad lepas.

Beliau menekankan yang penting ada pada para penulis ialah kesedaran bagi menggunakan peluang yang dibukakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bukan saja untuk mendapatkan ganjaran kebendaan bahkan kepuasan diri.

"Lebih penting lagi ialah bagi menanamkan semangat berfikir dan bertindak secara inisiatif sendiri dalam suasana bertanggungjawab semata-mata untuk kepentingan bangsa dan tanahair," tegas Dayang Hajjah Azizah.

## Pemenang Peraduan Menulis Rencana Umum dan Cerita Bergambar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Hashim Haji Abd Hamid, 35, yang lebih dikenali dengan nama pena A. Hashim Hamid berjaya memenangi hadiah pertama $2,000 dalam Peraduan Menulis Rencana Umum anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Manakala Awang Rekan bin Lagat, 25, seorang guru memenangi hadiah pertama sebanyak $1,000 dalam bahagian Menulis Buku Cerita Bergambar.

Awang Haji Hashim yang berjaya melalui rencananya, 'Brunei Negara Melayu Islam — Beraja' mula berkarya tahun 1965 di bidang sajak, esei, drama dan kritikan.

Karyanya pernah disiarkan dalam Sabah Times, Sabah Express, Bintang Harian, Urusan Zaman, Santajiwa, Dian, Dakwah, Beriga, Suara Brunei, Radio Sarawak dan Radio Brunei.

Beliau ketika diwawancara di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan itu berpendapat ganjaran hadiah yang diberikan memang sesuai dan berpatutan.

"Lumayan jika dibandingkan dengan hadiah-hadiah yang diberikan dalam bidang yang sama di negara-negara jiran. Ini menunjukkan suatu penghargaan pihak Kerajaan kepada para penulis," ujar beliau.

Beliau menggesa pihak swasta hendaklah sama-sama melibatkan diri dalam menghargai para penulis.

Katanya, setakat ini hanya Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad saja yang melibatkan diri bergabung dengan Persatuan Asterawani mengadakan Peraduan Manifestasi Puisi.

"Di negara jiran, pihak swasta bersama-sama menaja peraduan yang dianjurkan oleh Persatuan Penulis," katanya.

Beliau kini bertugas sebagai Pegawai Pelajaran di Jabatan Pelajaran.

Awang Rekan bin Lagat yang dilahirkan di Kampong Supon Besar, Tutong mula bergiat dalam penulisan tahun 1977 dalam bidang esei, cerpen, sajak dan kritikan.

Karya-karyanya pernah tersiar di majalah dalam dan luar negeri seperti Bahana, Dian, Mastika, Sarina, Dewan Masyarakat, Majalah Sekolah dan maktab dan Radio Brunei.

Ketika diumumkan kejayaannya di majlis itu, beliau berasa sangat gembira, "Saya seolah-olah tidak percaya," katanya.

Beliau berpendapat hasil karya penulis-penulis negara ini tidak dapat dipertikaikan setaraf dengan penulis-penulis di negara-negara jiran.

Awang Rekan yang menggunakan nama samaran Maha Putra memenangi peraduan itu dengan karyanya 'Ikan Yang Sombong'.

Hadiah kedua Peraduan Menulis Rencana Umum, sebanyak $1,500 dimenangi oleh Dayangku Masni Pengiran Haji Damit melalui rencana, 'Tulisan Jawi : Satu Pertanda Baik Dalam Perkembangannya Di Negara Kita".

Rencana bertajuk 'Budaya Tradisi Yang Hampir Pupus : Satu Analisa Sosial Masyarakat Kedayan Dari Sudut Kebudayaan dan Ekonomi Pertanian" tulisan Awang Sawal Rejab memenangi hadiah ketiga bernilai $1,000.

Empat penghargaan masing-masing berjumlah $500 dimenangi oleh Pengiran Haji Muhammad Pengiran Haji Abdul Rahman, Awang Morsidi Haji Akip, Awang bin Ahmad dan Pengiran Haji Ahmad Pengiran Haji Md. Salleh.

Lihat muka 6

## Bahan bacaan tempatan masih kurang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahan bacaan hasil tempatan untuk keperluan masyarakat di negara ini dan penulisan yang berfungsi memberikan hal-ehwal negara ini kepada orang luar adalah masih kurang, tegas Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Fatimah Haji Mohd Husin.



PEMANGKU Pengarah DBP, Dayang Fatimah.

Berucap di majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Rencana Umum Islam dan Buku Cerita Bergambar di Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak pada minggu lepas, Dayang Fatimah berkata "Kita memerlukan orang-orang Brunei sendiri menghasilkan ilmu pengetahuan bagi keperluan orang Brunei dan kita memerlukan orang-orang Brunei sendiri memberikan hal-ehwal Brunei untuk orang luar."

Menurutnya, penglibatan penulis tempatan masih kecil. Mereka yang produktif dapat dihitung dan dikenal pasti.

Katanya, ditinjau dari pameran yang diadakan oleh Jabatan itu di luar negeri baru-baru ini hasil karya penulis tempatan mendapat penghargaan dari orang luar dan mereka sangat memerlukan buku-buku yang mengandungi sejarah ekonomi dan sosial negara ini.

"Satu cabaran yang perlu disambut dengan penuh kesedaran," katanya.

Menurutnya, sejak negara ini terdedah kepada dunia antarabangsa terdapat usaha-usaha orang-orang luar untuk menulis pelbagai perkara mengenai negara ini.

"Sebagai penulis luar tentu tidak ada penghayatan dalam tulisan mereka. Apabila tidak ada penghayatan tentu akan kurang unsur kebenaran dan ini jika tidak diawasi akan merosakan imej negara dan bangsa. Saya percaya penulis yang begitu sensitif terhadap martabat bangsa dan negara pasti tidak akan membiarkan perkara ini berlaku," ujarnya.

Katanya dalam usaha menggalakkan penghasilan bahan-bahan bacaan, Dewan Bahasa dn Pustaka bersedia memberi bantuan kepada para penulis.

"Jabatan ini bersedia menerima kunjungan para penulis yang ingin mendapatkan keterangan lanjut mengenai bidang penulisan secara umum," ujarnya.

Katanya, jabatan itu juga telah berusaha mengadakan beberapa bengkel penulisan untuk memberikan pertolongan kepada para penulis bagi membolehkan mereka lebih yakin terhadap kemampuan mereka sebagai penulis.

## 58 penulis tanahair menyertai peraduan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 58 penulis tanahair menyertai Peraduan Menulis Rencana Umum dan Buku Cerita Bergambar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Penyelanggara Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan itu, Awang Md. Shahri bin Pehin Orang Kaya Jurulatih Adat Istiadat Diraja Awang Haji Md. Hussin, sebanyak 32 manuskrip dihantar bagi Peraduan Menulis Buku Cerita Bergambar dan 38 Manuskrip bagi Peraduan Menulis Rencana Umum.

"Seramai 19 orang dari mereka adalah yang pernah menyertai bengkel penulisan yang dianjurkan oleh Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun lepas," jelas beliau.

Menurut Awang Md. Shahri, peraduan itu bertujuan bagi memberi perangsang kepada penulis tanahair bergiat dalam kedua-dua bidang.

Katanya, Peraduan Menulis Buku Cerita bergambat dihasratkan menonjolkan keupayaan penulis mengetengahkan cerita yang dapat difahami oleh kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah di samping menanamkan unsur sivik dan moral di kalangan mereka.

"Sejauh ini penerokaan penulis di bidang penulisan buku cerita bergambar di negara ini sangat berkurangan dan peraduan ini diharapkan mendorong mereka bergiat," jelas beliau.

Manakala Peraduan Menulis Rencana Umum pula dihasratkan memupuk kesedaran penulis tempatan bahawa di negara ini masih banyak bahan yang dapat diteroka dan diketengahkan.

"Dari peraduan ini dan sambutan yang diberikan ternyata para penulis mempunyai bakat besar yang perlu diasah dan diasuh untuk terus-menerus menulis rancana umum," ujar beliau.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-257



# TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT (Sambungan)

### Dajal Menurunkan Hujan Buatan Dengan Menggunakan Alat-Alat Moden

(23) Dari perkara-perkara yang besar yang dikhabarkan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam ialah hari kiamat tiada bangkit sehingga kita lihat hujan buatan turun dari langit dengan alat-alat yang disediakan kerananya.

Nabi Salallahu Alaihi Wassalam telah mengkhabarkan dalam hadis yang sahih dalam perkara dajal seperti yang tersebut dalam hadis sahih dari hadis Sahabat An-Nawwas bin Sam'an dan lain-lain hendaklah diketahui dajal itu seorang Yahudi dan orang-orang Yahudi menunggu kedatangannya, dan Allah Taala telah memudahkan wujud Kerajaan Yahudi pada waktu kita ini ialah sebagai permulaan kedatangan dajal dan merasakan alam ini dengan bencana dan fitnah dajal itu, hendaklah diketahui Eropah yang bertamadun dan Kerajaan Yahudi sungguhpun dia baharu tetapi dia sangat-sangat rapat dengan kerajaan yang bertamadun Eropah itu, dan Kerajaan Yahudi ada mempunyai rekaan alat-alat yang menutup segala hajat-hajat dan menjadikan dia bersaing dengan kerajaan yang bertamadun pada hari ini, apabila dajal si buta mata sebelah itu keluar maka ia akan mendapati segala apa yang dihajatkannya dari alat perkakas rekaan baharu itu, kerana menjalankan kerjanya hendak menyesatkan alam ini dan membuat kufur kepada alam ini dan menipu alam ini dan bagi menentang dan melawan orang yang menentang akannya, ada sedia padanya alat-alat peperangan, alat-alat pelayaran, alat-alat transport seperti kapal terbang, motorkar dan lain-lain alat, setengah dari alat-alat itu alat mesin menurunkan hujan dari langit, dan lain-lain alat mengangkut air dan kereta mengangkut roti dan mesin membuat roti dan memasak dan lain-lain seperti alat-alat yang ada pada kerajaan dunia sekarang, yang disediakan bagi digunakan ketika peperangan, unit-unit askar disediakan dengan segala alat perkakas yang dihajatkan sehingga ada kereta-kereta membasuh baju dan membersihkan dalam sedikit masa, dimasukkan baju dalam mesin dalam sedikit masa baju itu keluar bersih dengan berseterika dan berlipat, sebagaimana juga gandum dikisar dan diayak dan diuli dan dicanai dan dibakar dan keluar roti terus boleh dimakan, inilah yang ada pada dajal itu. Tambahan lagi ada padanya ilmu sihir yang memang telah masyhur ada pada orang-orang Yahudi sebagaimana diketahui oleh orang supaya cukup segala fitnah dari fitnahnya itu, amin.

Semua apa yang kita sebutkan itu telah diisyaratkan oleh Nabi kita Salallahu Alaihi Wassalam dalam banyak hadis sahih.

Adapun alat menurunkan hujan dan kereta membekalkan air dan pembuat uli tepung dan roti dan lain-lain banyak hadis-hadis ada menyebutkan setengah dari hadis-hadis itu ialah hadis sahabat Asma' binti Zaid bahawa ia telah mendengar Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda di hadapan sahabat-sahabat Baginda yang bermaksud:

"Saya ingatkan kepada kamu hai orang Islam akan bahaya dan fitnah dajal besar itu, saya memberi amaran kepada kamu akan kejahatan dajal besar itu, dan tiap-tiap nabi dibangkitkan, sesungguhnya ia telah mengingatkan bahaya dajal kepada kaumnya, dajal itu akan datang kepada kamu hai umat Islam, dan saya akan ceritakan kepada kamu dari setengah dari sifat dajal itu, sifatnya yang tiada pernah nabi-nabi yang terdahulu menceritakan kepada kaum bangsa mereka, dajal itu buta mata sebelah dan Allah Taala tiada buta sebelah (tiada cacat bahkan Ia sempurna), di antara dua mata dajal itu perkataan (kafir) dibaca akan dia oleh tiap-tiap orang yang beriman yang tahu menulis dan yang tiada tahu menulis, kebanyakan orang mengikut akan dia ialah orang-orang Yahudi, perempuan dan orang pendalaman (I'rab), mereka melihat langit turunkan hujan padahal langit tiada turunkan hujan, dan mereka melihat bumi menumbuhkan tanaman padahal bumi tiada menumbuhkan sesuatu dan ia berkata kepada orang-orang pendalaman (I'rab): "Apa yang kamu mahu dari aku, tidaklah aku turunkan hujan mencurah-curah dari langit....."

Orang-orang yang disabdakan Rasulullah itu ialah orang-orang pendalaman dan penduduk-penduduk tanah pasir (Tanah Arab) kerana orang-orang padang pasir itu tiada mengetahui alat-alat rekaan. Oleh yang demikian dajal tiada berbuat perkara-perkara itu di bandar-bandar dan kepada orang-orang yang tahu benda-benda rekaan yang menurunkan hujan buatan gunung roti dan sungai air, bukan gunung roti dan sungai air yang sebetulnya hanya semuanya buatan dajal itu ialah apa yang dibawa bersama-samanya dalam lori-lori, trak-trak dan alat-alat yang bergerak, di tanah-tanah pendalaman, dan orang pada masa itu, dalam kelaparan dan berhajat makanan, kerana sebelum keluar dajal itu lima tahun atau tiga tahun menurut suatu riwayat hadis bahawa langit tiada menurunkan hujan kepada mereka, dan biasanya orang-orang yang kena lapar itu orang pendalaman dan zahir. Sabda Rasulullah:

"Bahawa orang yang terpengaruh dengan propaganda dajal ialah orang yang lemah akal, dan yang lemah iman itu seperti perempuan-perempuan, ada pun orang-orang Yahudi ialah kaum bangsa dajal itu Mereka akan mengikutnya Laknahummulah.

Adapun dalil yang kuat menunjukkan pada perkataan kita itu ialah Sahih Al-Bukhari dan Muslim dari Hadis Sahabat Al-Mughairah bin Syu'bah berkata: "Tiadalah seorang yang lebih bertanya kepada Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam lain dari saya," dan sabda Rasulullah kepada saya: "Apa yang memberi.......kepada kamu." Saya berkata: "Orang berkata bahawa bersama-sama gunung dari roti dan sungai air." Sabdanya: "Itu lebih mudah kepada Allah daripada yang demikian itu."

Ini ertinya bukan Rasulullah engkarkan apa yang ada bersama-sama dajal itu kerana Rasulullah sendiri yang berkhabarkan kepada itu, sebagaimana dalam hadis-hadis lain hanya Rasulullah engkarkan pada hakikatnya Allah memberi kuasa kepadanya di atas langit sehingga langit taat kepadanya dan menurunkan hujan betul-betul dan memberi kuasa kepadanya sehingga sungai berjalan bergerak mengikut perintahnya, dan sehingga gunung betul-betul dari roti berjalan bersama-samanya, bahkan semuanya itu ada dengan sebab-sebab biasa dan dengan jalan biasa sebagaimana Allah beri kepada lain-lain orang, orang Eropah (Jepun dan China) telah mereka benda-benda itu sebelum keluar dajal itu kepada manusia dan dajal mengambil kesempatan menggunakan alat-alat rekaan bagi faedah propagandanya, bagi menguatkan propagandanya dan menipu orang-orang yang lemah fikiran dan iman dan berbuat sebagai pandangan mukjizat, dan ia menggunakan ahli-ahli sihir dan ahli-ahli propaganda yang membantu dia pada menjalankan jarum-jarum sesat dan menyesatkan, oleh itu berkata ulama pada mensyarahkan dengan hadis dengan syarahan iaitu Allah tiada jadikan bagi dajal itu sesuatu perkara benar hanya itu suatu khayal samaran pada pandangan orang sahaja, maka orang melihat ada air bersama-samanya padahal bukan air, dan mereka melihat gunung roti bertimbun-timbun padahal bukan ada roti sebenarnya.

Takwil atau syarah itu salah kerana tersebut dalam hadis-hadis yang lain bahawa dajal besar itu memberi makan dan minum akan orang-orang yang mengikut ajarannya dan percayakan ajakannya, dan bahawa akan menurunkan hujan sehingga orang-orang I'rab (pendalaman) itu percayakan seruannya dan dajal itu menghidupkan tanaman dari hujan itu dan gemuk binatang orang-orang pendalaman itu dan mencurah-curah susu dari binatang-binatang itu, setelah bumi kering kontang sebelum masa dajal itu maka bagaimana boleh dikatakan semuanya itu khayal, bayangan dan samar-samar sahaja, hanya sebab itu berkata begitu sebab mereka tiada melihat alat-alat rekaan zaman sekarang yang boleh menghubungkan pada percayakan hadis-hadis yang....benda-benda itu dengan percayakan hadis yang mengatakan perkara-perkara itu lebih mudah kepada Allah dengan mengadakan rekaan-rekaan pada menyediakan gunung roti dan sungai itu Walhamdulillah di atas takwil kita itu lebih betul.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)





# Pendaftaran naik haji bermula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran untuk menunaikan fardu haji bagi musim haji tahun 1405/1985 telah bermula pada hari Khamis minggu lalu di seluruh negara.

Jabatan Hal Ehwal Ugama di seluruh negara mengalami kesibukan di hari pertama pendaftaran dibuka di hari tersebut sahaja seramai hampir 2,000 orang telah mendaftar.

Pendaftaran untuk menunaikan fardu haji itu akan diteruskan hingga 10 Januari tahun depan.

Gambar-gambar atas dan kanan menunjukkan orang ramai menunggu giliran untuk mendaftar nama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan.

# IBLIS DAN SYAITAN MUSUH KETAT MANUSIA

MARILAH kita sama-sama bertakwa kehadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Iblis adalah ketua syaitan-syaitan dan syaitan-syaitan itu adalah merupakan akar-askar Iblis. Iblis dan kuncu-kuncunya itu adalah merupakan musuh-musuh umum manusia sejak Nabi Adam Alaihissalam hinggalah ke hari kiamat.

Iblis dan syaitan tiada 'sangal-sangal' bekerja berusaha untuk menyesatkan manusia dan membuat hasutan-hasutan dan dorongan-dorongan kepada mereka supaya melakukan derhaka dan maksiat kepada Allah Taala. Sebab itu ramai manusia yang tertipu oleh iblis dan syaitan dan menjadikan iblis dan syaitan itu kawan yang setia kerana tergoda dan termakan oleh godaan-godaan dan hasutan-hasutannya padahal iblis dan syaitan itu tetap merupakan musuh buat selama-lamanya bagi manusia.

Telah diriwayatkan bahawa Wahab ibni Munabbih pernah berkata bahawa Allah Taala telah memerintahkan supaya iblis datang kepada Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam bagi menjawab pertanyaan-pertanyaannya. Maka iblis pun datang berjumpa Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam dengan menyerupai rupa Syeikh Shubah di tangannya sebuah tongkat. Maka bertanyalah Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: "Siapa engkau?" Jawabnya: "Saya iblis." Rasulullah bertanya lagi: "Kenapakah engkau datang berjumpa saya?" Jawabnya: "Sesungguhnya Allah telah memerintahkan aku menjumpai kamu dan menjawab setiap pertanyaan yang kamu tanyakan kepadaku." Maka bertanyalah Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam kepada iblis itu: "Wahai iblis berapa golongankah musuh-musuhmu dari umat saya?" Jawab iblis: "Lima belas. Pertama kamu sendiri wahai Muhammad. Kedua, raja atau ketua yang adil. Ketiga, orang kaya yang tiada sombong. Keempat, peniaga yang berkata benar. Kelima, orang alim yang bersembahyang lagi khuysuk di dalamnya. Keenam, orang mukmin yang suka memberi nasihat yang berkebajikan. Ketujuh, orang mukmin yang bersifat belas kasihan. Kelapan, orang yang bertaubat dan kekal tetap di atas taubatnya. Kesembilan orang yang menjauhi segala barang yang haram. Kesepuluh, orang mukmin yang sentiasa dalam keadaan bersuci. Kesebelas, orang mukmin yang banyak bersedekah. Kedua belas, orang mukmin yang baik perangai. Ketiga belas, orang mukmin yang memberi guna kepada manusia. Keempat belas, orang yang menanggung Quran dan melazimkan membacanya. Kelima belas, orang yang bangun melakukan amal ibadat hingga jauh-jauh malam sedangkan orang lain tidur."

Kemudian bertanya lagi nabi Salallahu Alaihi Wassalam kepada iblis itu, "Berapa golongankah pula kawan-kawanmu yang setia dari umat saya?" Jawab iblis: "Sepuluh. Pertama, hakim yang zalim. Kedua, orang kaya yang sombong. Ketiga peniaga yang khianat. Keempat, peminum arak. Kelima, orang yang suka menghasut dan melaga-lagakan manusia. Keenam orang yang melakukan ibadat kerana ria'. Ketujuh, orang yang memakan harta anak yatim. Kelapan, orang yang mengabaikan sembahyang. Kesembilan, orang yang enggan mengeluarkan zakat dan kesepuluh, orang yang panjang angan-angan. Maka mereka itulah saudara-sudaraku dan sahabat-sahabatku."

Hendaklah kita sama-sama memerhatikan kandungan hadis di atas sebagai panduan kita yang berguna untuk melawan dan menggagalkan iblis dan syaitan dari menjerumuskan kita kepada kebinasaan dan kemurkaan Allah Taala. Ingatlah bahawa iblis dan syaitan itu tidak suka manusia membuat amal kebajikan, kerana itu perhatikanlah baik-baik di dalam hadis di atas semuanya menjadi musuh ketatnya. Sementara sepuluh yang di bawah terdiri daripada penjahat-penjahat dan kaki maksiat dijadikannya kawan dan sahabat yang rapat.




Dengan meneliti dan memerhatikan benar-benar isi riwayat atau hadis ini, mudah-mudahan kita mendapat panduan dan tidak akan menjadi orang yang tertipu dengan maslahat-maslahat dan perangkap iblis dan syaitan laknatullahi alaihim.

# Baik sangka kepada Allah

## Menuju keredaan Allah

TERDAPAT sebuah hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang bersumberkan dari sahabat Jabir Radiallahu'anhu yang diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud bermaksud: **"Tidak sekali seorang daripada kamu mati kecuali keadaannya baik sangka kepada Allah Azzawajalla."**

Memperkatakan baik sangka kepada Allah Subhanahu Wataala ialah kita hendaklah jangan berputus asa terhadap sesuatu yang berlaku atau menimpa diri kita, sebaliknya kita hendaklah sentiasa berbaik sangka terhadap Allah Azzawajalla kerana Allah sentiasa menerima taubat penyesalan hamba-Nya yang kembali ke jalan yang hak lagi benar. Kita jangan menyalahkan sesiapa pun bahkan senantiasa mengharapkan limpah keampunan Allah dari segala dosa dan kesalahan yang dilakukan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah Az-Zumar ayat 55, yang kira-kira maksudnya: **"Katakanlah, wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya Dia-lah Yang Maha pengampun lagi Maha Penyayang."** Ini bererti sesiapa yang bertaubat membersihkan diri, Allah akan menerimanya. Adapun yang tidak diterimanya ialah siapa yang mensyirikkannya Sebagaimana firman-Nya dalam surah An-Nisaa' ayat 48 yang bermaksud: **"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia (Allah) mengampuni segala dosa yang selain dari (Syirik) itu, bagi siapa yang dikehendakinya."**

Selain dari itu, baik sangka kepada Allah itu juga bererti memohon dan berharap diterima segala amalan kebajikan yang dilakukan mendapat hidayat dan taufik serta keampunan dari kesalahan. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Penyayang tidak mensia-siakan segala amal yang baik dan tidak menzalimi hamba-hambanya dengan memberi balasan-balasan yang setimpal. Membersihkan diri dari kesalahan dosa yang terlanjur amatlah mudah, tidak perlu mengadakan upacara-upacara tertentu atau menunggu-nunggu masa serta tempat yang sesuai, ia hanya cukup dan sempurna dengan menyesali diri akan ketelanjuran dosa itu, memohon dengan sungguh-sungguh dengan penuh azam dan tekad tidak akan mengulangi segala perbuatan yang pernah dilakukan itu. Jika kesalahan itu bersangkutan dengan hak seseorang maka hendaklah dibuat perhitungan dengan yang berkenaan sehinggalah keadaan pulih sediakala, setelah terlaksana tujuan tersebut itulah dinamakan Taubat Nasuha iaitu taubat yang betul, yang tidak lagi kembali mengulangi kesalahan-kesalahan tersebut.

Jadi kesimpulannya dapatlah digariskan bahawa seseorang Muslim janganlah berputus asa daripada mendapat rahmat keampunan Allah dari dosa-dosa dan kesalahan yang telah terlanjur ketika memohon ampun dan bertaubat. Di samping itu hendaklah sentiasa baik sangka terhadap Allah Subhanahu Wataala di mana Allah tidak akan menganiaya hamba-Nya, malah rahmat-Nya amat luas, dari itu berusahalah menyelamatkan diri jika telah terasa bersalah atau terlanjur iaitu dengan kembali kepada jalan yang hak lagi benar. Hendaklah kita insaf dan sedar bahawa kita akan menemui mati baik secara lambat atau segera, dari itu bersihkan diri daripada dosa dan kesalahan yang terlanjur sebelum mati.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26 Disember, 1984 hingga ke hari Selasa 1 Januari, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 26–31 | 12.28 | 3.46 | 3.47 | 6.23 | 6.24 | 7.38 | 7.39 | 5.08 | 4.54 | 5.09 | 6.26 | 6.27 |
| 1 | 12.30 | 3.49 | 3.50 | 6.26 | 6.27 | 7.39 | 7.40 | 5.11 | 4.57 | 5.12 | 6.28 | 6.29 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darusslam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



## Mohammad Noormerda lahir di saat merdeka

Awang Abdul Latip bin Abdullah, seorang penyelia trafik yang berkhidmat dengan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei merupakan seorang bapa yang bertuah kerana dapat menimang anak yang dilahirkan dalam waktu pengisytiharan kemerdekaan yang lalu. Menurut maklumat yang diperolehi dari Pejabat Pendaftar Beranak dan Mati, Jabatan Perubatan dan Kesihatan pada 1 Januari 1984 seramai 11 orang bayi telah lahir tetapi hanya seorang saja yang dilahirkan pada jam 1.29 pagi iaitu sewaktu pembacaan pengisytiharan kemerdekaan masih lagi berlangsung. Anak damit yang dimaksudkan itu kini sudahpun pandai berjalan, dan sudah tahu menyebut 'mak' dan 'pak' tetapi belum tahu menyebut nama penuhnya Mohammad Noormerda.

Ketika dihubungi mengenang kembali detik itu, Awang Abdul Latip dengan suara gembira berkata, "Saya sungguh gembira dan bersyukur kerana anak lelaki saya lahir dalam waktu pengisytiharan kemerdekaan. Mulanya saya hendak menyertai orang ramai untuk menyaksikan upacara bersejarah itu, saya sudah pun menyediakan persiapan seperti kamera dan beberapa kodak bagi mengambil gambar-gambar bersejarah tetapi niat itu diurungkan sebaik-baik sahaja isteri saya mengadu ia sakit-sakitan. Walaupun saya tidak dapat menyertai perhimpunan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien tetapi saya dapat juga menyaksikannya dari jauh iaitu dari tingkat tiga Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Sungguh-sungguh saya gembira."

Dayang Zaiton binti Haji Ahmad yang bekerja sebagai Polis Wanita apabila mengenang detik itu pula berkata, "Saya bersyukur kerana anak kami lelaki, dan lahir pula dalam era yang merdeka. Anak sulung kami ialah seorang perempuan. Saya berharap apabila ia dewasa kelak ia akan dapat menyumbangkan sesuatu kepada negara ini, dalam mengisi erti kemerdekaan."

Mohammad Noormerda atas ketika ia belum mengetahui bahawa ia adalah satu-satunya anak damit di Negara Brunei Darussalam ini yang dilahirkan dalam waktu pengisytiharan kemerdekaan dulu.

## Pemenang Peraduan

Dari muka 3

Manakala hadiah kedua dalam Peraduan Menulis Cerita Bergambar bernilai $750 dimenangi oleh cerita, 'Rumah Besar Di Atas Bukit' karya Awang Haji Samat Haji Jumahat.

Cerita 'Hidup Berkawan-kawan' hasil tulisan Awang Morsidi Mohammad memenangi hadiah ketiga dan menerima hadiah sebanyak $500.00

Empat hadiah penghargaan masing-masing berjumlah $250 dimenangi oleh Dayang Chua Eng L[illegible]n, Awang Mohammed Zefri Ariff bin Mohammed Zain Ariff, Awang Sabli Haji Ongsang dan Awang Adanan bin Haji Mohammad.

Penyampaian hadiah peraduan disempurnakan oleh tetamu kehormat, Penolong Pengarah Pelajaran, Jabatan Pelajaran, Dayang Hajjah Azizah Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

### Perkembangan pelajaran:—

# KEJAYAAN PERLAKSANAANNYA BERGANTUNG KEPADA INISIATIF PARA GURU

Oleh: Aisah Piee

GADONG. — Kejayaan perlaksanaan beberapa usaha memperelokan lagi perkembangan pelajaran di negara ini masih banyak bergantung kepada inisiatif, kebijaksanaan, imaginasi dan kesungguhan para guru.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berkata, usaha-usaha tersebut bukan sahaja mencabar dan menguji tenaga di segi ketahanan, bahkan lebih penting ialah kebijaksanaan dan kesungguhan para pendidik sebagai sumbangan ke arah kesejahteraan bangsa, kedaulatan negara dan keutuhan ugama.

Rancangan-rancangan yang dilutani yang sedang dalam proses perlaksanaan itu ialah sistem dwibahasa, matapelajaran Melayu Islam Beraja, kegiatan luar sekolah atau ECA, penyusunan semula beberapa peraturan, terutama peraturan asrama, kursus sepenuh masa bagi guru-guru dan kursus Sarjana Muda B. Ed.

Usaha-usaha sedemikian itu, jelas Menteri Pelajaran dan Kesihatan adalah pada asasnya bertujuan melengkapkan tenaga yang ada di negara ini, bukan saja sebagai memenuhi keperluan negara tetapi lebih-lebih lagi sebagai makhluk dan hamba Allah yang sempurna.

Perlaksanaan usaha-usaha itu memerlukan penglibatan secara langsung para guru terutama di peringkat sekolah rendah yang menjadi lunas bagi apa yang dialami di peringkat menengah dan seterusnya.

"Saya sedar semua usaha-usaha ini merupakan sangat-sangat ambitious, yang sangat mencabar dan menguji tenaga kita semua, bukan sahaja di segi ketahanan tetapi yang lebih penting ialah kebijaksanaan, menguji kebijaksanaan dan kesungguhan atau 'commitment' cikgu-cikgu semua dalam pendidikan," Yang Dimuliakan Pehin itu menjelaskan.

Berucap di Majlis Perasmian Kursus Guru-Guru Besar dan Penolong-Penolong Guru Besar Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan Brunei Darussalam di Dewan Jubli Perak Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah di sini baru-baru ini, Menteri Pelajar dan Kesihatan itu mengingatkan,

"Apa yang didapati daripada kursus dan taklimat-taklimat seperti ini harus disedari hanyalah merupakan asas yang diperlukan, tetapi kejayaan perlaksanaannya masih banyak bergantung pada sifat-sifat yang terdapat pada cikgu-cikgu masing-masing, dan termasuklah pada meyakinkan dan mendapatkan kejayaan kerjasama dari pihak ibu bapa yang berkenaan."



YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz merasmikan kursus tersebut.

## Sikap golongan yg ingin melemahkan Sistem Pendidikan ditegur

GADONG. — Orang ramai diseru supaya jangan mengambil langkah yang boleh melemahkan sistem pendidikan, umpamanya dengan menggunakan kedudukan dan seumpamanya.

Timbalan Pengarah Pelajaran, Ustaz Awang Haji Abdul Saman mengingatkan demikian disebabkan terdapatnya beberapa perkara dalam dasar pelajaran yang sebahagiannya masyarakat umum tidak dapat menangkap matlamat jangka panjang.

Beliau menjelaskan, meskipun penyertaan orang ramai dialu-alukan bagi kebaikan di bidang pelajaran, akan tetapi dalam perkara yang mereka tidak memahaminya adalah elok mengambil sikap meneliti pada pihak yang lebih tahu, daripada membuat langkah yang boleh menimbulkan kelemahan kepada sistem pendidikan itu.

Ustaz Awang Haji Abd. Saman menjelaskan perkara ini ketika berucap menutup rasmi, Kursus Guru-guru Besar dan Penolong-Penolong Guru Besar seluruh negara dan berakhir pagi Rabu lalu di Dewan Jubli Perak, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah di sini.

Kursus tiga hari telah disertai oleh seramai 200 orang Guru-Guru Besar dan Penolong-Penolong Guru Besar serta kakitangan Jabatan Pelajaran.

Kursus tersebut adalah satu dari kegiatan iktisas anjuran Jabatan Pelajaran bagi meninggikan pengetahuan dan mendedahkan perkembangan pelajaran kepada guru-guru besar. Enam kertas kerja telah dibentangkan yang berkisar mengenai sistem permarkahan, kegiatan luar atau ECA, hubungan sekolah dengan masyarakat, kurikulum sekolah rendah, dasar-dasar dermasiswa, pengurusan sekolah rendah dan pra-sekolah dan mengenai pelajaran di Brunei Darussalam.

Penceramah-penceramah kursus terdiri dari Pegawai-pegawai Kanan di Jabatan Pelajaran. Kursus tersebut berakhir dengan penyampaian sijil kepada peserta-peserta kursus melalui Penyelia Kanan Sekolah di daerah masing-masing, oleh Timbalan Pengarah Pelajaran, Ustaz Awang Haji Abdul Saman.





MAJLIS penutup itu diakhiri dengan penyampaian sijil bagi peserta kursus. Sijil-sijil tersebut disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abdul Saman kepada wakil tiap-tiap daerah. Gambar atas kelihatan Awang Haji Abdul Saman menyampaikan sijil-sijil tersebut melalui Penyelia Kanan Sekolah Daerah Belait, Pengiran Haji Tuah bin Pengiran Haji Chuchu.

Gambar kiri ialah sebahagian dari guru-guru besar dan penolong guru besar dari seluruh negara yang menghadiri kursus selama tiga hari yang diadakan di Dewan Jubli Perak Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.

# IBU BAPA PENDORONG ANAK-ANAK DALAM PEMBENTUKAN PELAJARAN

Oleh: Aisah Piee

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ibu bapa sebagai pendorong, pembantu dan pengawas pada pelajaran anak-anak di sekolah tidak semestinya berpelajaran dan berpendidikan tinggi.

Kerana mereka bukanlah berperanan mengajar seperti tugas guru-guru, tetapi adalah sebagai pembentuk tabiat dan amalan dalam pembentukan pelajaran dengan lebih berkesan.

Kepentingan peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak telah ternyata dan diakui oleh pakar pendidikan dalam negara maju, misalnya di negara Jepun di mana peringkat rendah persekolahan adalah amat diambil perhatian oleh kaum ibu.

Ke arah pendidikan yang sempurna itulah, jelas Pengarah Kenaziran, Awang Roderick Yong, ibu bapa hendaklah memberi perhatian dan menunjukkan minat terhadap persekolahan kanak-kanak, terutama terhadap kerja-kerja harian selain dari memberi ganjaran dan pujian yang sesuai pada perkara-perkara tertentu.

Galakan kepada anak-anak untuk membaca buku-buku luar dari buku teks juga adalah perkara penting pada pembentukkan sikap suka membaca dan mencari bahan-bahan tambahan kepada pelajaran mereka.

Berucap di majlis sambutan Jubli Perak Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah Khamis lepas, Awang Roderick menegaskan, adalah perlu bagi ibu bapa menyediakan tempat yang sesuai dengan suasana yang tenang di rumah masing-masing, untuk dijadikan bilik belajar. Serentak dengan menyediakan buku-buku dan peralatan belajar juga adalah perkara yang perlu.

Selain dari itu, peranan ibu bapa dalam mengawasi kesihatan anak-anak di mana mereka itu perlu menyediakan makanan yang sesuai bagi tenaga keperluan harian anak-anak dan tidur yang mencukupi. Juga kebersihan dari segi pakaian sekolah menurut yang ditetapkan oleh pihak sekolah masing-masing adalah patut diambil perhatian.



PENGARAH Kenaziran, Awang Roderick Yong, menarik tirai papan perasmian Sambutan Jubli Perak Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah (atas) sementara gambar bawah kelihatan beliau menyampaikan hadiah kepada Mariani Jamaluddin yang telah dipilih sebagai Murid Cemerlang.



## Semangat beradat dan berbudaya harus dipupuk

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kanak-kanak hari ini perlu dipupuk dengan semangat beradat dan berbudaya, bersopan santun dan tahu menghormati, bagi terus menjamin keharmonian masyarakat, bangsa dan negara.

Kerana dibandingkan dengan sifat kanak-kanak dua puluh tahun lalu, kanak-kanak hari ini sudah tahu melawan guru, sudah tidak hormat kepada kaum pendidik, malah sudah terdapat indung-bapa yang sudah tidak memenduli soal-soal persekolahan, pendidikan dan pembelajaran kanak-kanak.



AWANG Haji Junaidi.......kanak-kanak perlu ditonjolkan dengan istilah 'Kemerdekaan' daripada 'Hari Kebangsaan.'

Meskipun masyarakat kita hari ini berada di dalam kemelut sosial yang telah tegang, di mana kita bertembung dengan suasana sains dan teknologi yang maju dan moden yang membuat hidup kita dalam suasana sophistikated, namun itu tidak bererti kita patut melupakan tugas mendidik anak-anak mengikut adat dan tata-susila yang dihormati.

Awang Haji Junaidi OKSN Hj. Md. Safar, Pegawai Penerangan di Jabatan Penerangan berkata, mendidik kanak-kanak kepada sifat yang dihormati adalah tanggungjawab bersama, yang hanya bukan dibebankan kepada Kerajaan semata-mata, iaitu melalui pendidikan di sekolah-sekolah.

Yang demikian itu, para ibu bapa adalah diharapkan memberi sumbangan yang bernilai ke arah kesempurnaan pendidikan, pembelajaran dan proses kehidupan anak-anak di sekolah.

Berucap sebagai wakil ibu bapa di Sambutan Jubli Perak Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di ibu negara Khamis lepas, Awang Haji Junaidi seterusnya menyeru supaya setiap kanak-kanak diberi kesedaran dalam membentuk 'nation building' yang bernilai tinggi.

Dalam hal ini, Awang Haji Junaidi memberi misalan, supaya kanak-kanak lebih ditonjolkan dengan istilah 'Kemerdekaan' daripada 'Hari Kebangsaan', yang mana kemerdekaan lebih membawa perutusan yang paling ulung di mana mereka perlu disedarkan dengan konsep 'Melayu Islam Beraja'.

Beliau berkata, kanak-kanak perlu mengetahui dan menginsafi kedudukan negara sebagai Negara Melayu Islam Beraja, perlu dilibatkan sama untuk menyedari kepentingan bersama dalam negara, dan perlu menghayati aspirasi yang terkandung dalam ertikata, Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik.

Selain itu, mereka juga perlu diberi fahaman supaya dapat terus padu dan kukuh bagi memelihara dan mengekalkan keselamatan dan keamanan serta meningkatkan kesejahteraan.

Beliau menegaskan, "Jikalah kanak-kanak ini diberi pengetahuan dan kefahaman sedemikian, kita sudah tentu dapat mengikis perkara-perkara dari segi keruntuhan moral dan disiplin."

Sambutan Jubli Perak Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah bermula dengan bacaan Al-Quran oleh Awang Haji Marsal Haji Mesir, dan ucapan alu-aluan dari Guru Besar sekolah tersebut, Awang Mohd. Yassin Haji Kassim.

Perasmian Jubli Perak dilakukan oleh Pengarah Kenaziran , Awang Roderick Yong, juga sebagai wakil peribadi Pengarah Pelajaran.

Majlis pada hari itu diserikan lagi dengan persembahan pentas dari murid-murid Pra-Sekolah dan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, dan penyampaian hadiah pelajaran terbaik tahun 1984, hadiah murid cemerlang dan cenderamata kepada bekas-bekas Guru Besar.

Pertunjukan pameran dan pertunjukan mengajar juga diadakan, sementara di sebelah petangnya diadakan Pesta Sukan bagi sekolah tersebut.

## Peperiksaan Chamber of Commerce and Industry

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan-persediaan kini sedang dibuat bagi mengadakan Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry bagi bulan April/Mei 1985 (mata pelajaran tunggal).

Peperiksaan tersebut akan diadakan di dua buah pusat iaitu di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan dan di Maktab antony Abell, Seria.

Di antara mata-mata pelajaran yang ditawarkan ialah simpan kira, trengkas, menaip, akaun, ilmu hisab dan bahasa Inggeris bagi Perdangan dan lain-lain dalam peringkat permulaan, menengah dan tertinggi.

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Lembaga Peperiksaan, Bangunan Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan.

Bayaran-bayaran peperiksaan bagi tiap-tiap satu mata pelajaran peringkat permulaan ialah $51.00; peringkat menengah $35.00 dan peringkat tertinggi ialah $41.00.

Bagi peperiksaan menaip (ujian kepantasan sahaja) ialah $25.00 bagi peringkat menengah dan tertinggi.

Peperiksaan bahasa Inggeris bagi Perdagangan (termasuk ujian lisan) ialah $42.00 bagi peringkat menengah dan $45.00 bagi peringkat tertinggi.

Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar secara tunai atau cek. Semua borang-borang permohonan yang telah diisikan berserta dengan bayaran peperiksaan hendaklah sampai ke Lembaga Peperiksaan, Brunei tidak lewat dari 10 Januari 1985.

Sebarang permohonan yang dihantar lewat dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.

## Ahli Perkhidmatan Perpustakaan Muda-Mudi Cawangan Pusat lawat ABDB

BERAKAS. — Seramai 25 ahli-ahli Perkhidmatan Perpustakaan Muda-Mudi Cawangan Pusat telah mengadakan lawatan ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada Khamis lepas.

Mereka telah dialu-alukan dengan ucapan dari Pegawai Tentera Dato Haji Bahar Tamat. Ini diikuti pula dengan lawatan ke Tentera Udara, Logistik, Muzium ABDB, dan lain-lain tempat yang menarik.

Lawatan sambil belajar ke Angkatan tersebut antara lain bertujuan untuk mendedahkan ahli-ahli itu untuk mengetahui dengan lebih dekat akan kegiatan Angkatan Tentera dan memenuhi aktiviti mereka sepanjang percutian sekolah — JOE.

## Peperiksaan City and Guilds bagi bulan Mei/Jun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan-persediaan sekarang sedang dibuat bagi mengadakan peperiksaan City and Guilds of London Institute bagi bulan MEI/JUN, 1985 dalam mata-mata pelajaran yang tertentu di Negara Brunei Darussalam.

Calon-calon sekolah bolehlah mendapatkan borang-borang permohonan daripada Pengetua-pengetua Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara, Pusat Latihan Teknikal Brunei, Jalan Muara, Brunei, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait dan Ketua Latihan Teknikal, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Seria.

Calon-calon persendirian bolehlah mendapatkan borang-borang permohonan dari Lembaga Peperiksaan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Brunei Darussalam.

Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar secara tunai atau cek.

Semua borang-borang permohonan yang telah diisikan bersama dengan surat-surat sokongan, jika ada, daripada City and Guilds of London Institute hendaklah sampai ke Lembaga Peperiksaan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Brunei Darussalam tidak lewat pada 10 Januari 1985.

*Radio Minggu Ini:*

# DETIK DAN PERISTIWA 1984

HANYA beberapa hari saja lagi tahun 1984 ini kita tinggalkan dan kita akan berhadapan pula dengan tahun baru 1985. Selama 365 hari yang berlalu itu tentu saja berbagai-bagai peristiwa pahit dan manis kita rasai. Ada yang gagal dan ada pula yang berjaya kita lalui. Banyak cabaran-cabaran hidup yang kita tempohi, sehingga kadang-kadang ada kalanya kita mengalah dibuatnya. Bagi yang tabah pula tentulah berhasil sampai ke tahun 1985, namun begitu, tahun 1985 tidak kurang juga cabarannya. Malahan barangkali tahun 1985 berkehendakkan kita lebih gigih dan lebih keras menghadapi cabaran, yang masih samar-samai di hadapan kita.

Bagi Radio Brunei pula tahun 1984 merupakan tahun yang paling sibuk, tahun yang banyak memberikan khidmatnya, malahan tahun yang banyak menghadapi cabaran-cabaran sesuai dengan konsepnya sebagai lidah rasmi kerajaan di negara yang merdeka.

Hampir setiap saat pada tahun 1984 radio berdampingan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku di seluruh negara. Setiap saat pemancarannya Radio Brunei sentiasa menyogokkan berbagai maklumat, peristiwa dan upacara-upacara sama ada dari pihak Kerajaan sendiri mahupun badan-badan yang tertentu. Lebih-lebih lagi dengan persoalan yang ada hubungannya dengan pembangunan negara dan sosial, merupakan matlamat utama di dalam rancangan-rancangan radio. Pendek kata, tugas orang-orang radio memberi tahu kepada masyarakat ramai tentang apa yang tidak mereka ketahui.

Sebagai rumusan beratus-ratus peristiwa yang berlaku sepanjang tahun 1984, yang tidak sempat diikuti oleh masyarakat pendengar di negara ini, satu rancangan khas akan disiarkan ke udara pada awal tahun 1985 kelak. Rancangan tradisi kepada Radio Brunei, yang akan merakamkan detik dan peristiwa sepanjang tahun itu lebih banyak mengembalikan ingatan kita kepada peristiwa-peristiwa yang telah kita lupakan. Tetapi radio Brunei berusaha balik untuk menghimpunkan rempah-ratus peristiwa-peristiwa itu dalam jangka masa satu jam. Dalam jangka masa yang agak singkat itu kita akan tefakur sejenak bagi mengenang detik dan peristiwa 1984 yang kita tinggalkan.

Melalui ruangan 'Radio Minggu Ini', kami semua para penyumbang berbagai bahan radio mengucapkan 'Selamat Tahun Baru 1985' dan 'selamat bekerja dengan penuh jujur, amanah dan lutanan'. Di samping itu kami juga memohonkan maaf jika terdapat perkataan salah dan silap di dalam tulisan kami sepanjang tahun 1984.



rtb/In

# *10 PESERTA BERTANDING MEREBUT JUARA BINTANG ASLIRAMA 1984*

PERTANDINGAN Akhir Bintang Aslirama 1984 akan disiarkan secara langsung di Televisyen Brunei pada hari Jumaat 28 Disember, 1984 mulai jam 8.30 malam. Dalam pertandingan malam itu, sepuluh peserta akan beradu bakat untuk merebut kejuaraan Bintang Aslirama 1984. Mereka yang berjaya ialah:—

Zulkifli Tengah; Salmaya Hj. Md. Husain; Norsiah A. Hamid; Zaiton Ali; Esmit Hj. Md. Yassin; Morris Lynn; Ismail Md. Zain; Seruddin Kambar; Taha Burut; Md. Jaafar Haji Abdul Wahab.

Siapakah di antara sepuluh finalis itu yang akan berjaya untuk merebut kejuaraan tahun ini?



Zaiton Ali



Seruddin Kambar



Ismail Md Zain



Zulkifli Tengah



Salmaya Haji Md Husain



Norsiah A. Hamid



Esmit Haji Md Yassin



Morris Lynn



Taha Burut



Md Jaafar Haji Abd Wahab



Drama TV:

# HILANGNYA MAK JOYAH

SEMENJAK kehilangan isterinya, Pak Kusui telah dianggap sebagai seorang bomoh yang boleh menyembuhkan segala jenis penyakit.

Ketua Kampung menegaskan kepada anak buahnya bahawa isteri Pak Kusui tidak hilang, dia disembunyikan di sepohon pokok tempat mainan dan buaian Dewa Kayangan.

Alangkah marahnya orang-orang kampung apabila mendapati bahawa air penawar, kunyit azimat yang diberi oleh Pak Kusui semuanya tidak mengasi.

Bagaimanakah Pak Kusui menghadapi perkara itu? Dapatkah Mak Joyah ditemui?

Drama hilangnya Mak Joyah dijayakan oleh Abd Gafar Jumat, Rosman Penglima Raja Othman, Dk. Rasiah Pg. Tajudin, Dk. Habsah Pg. Haji Suhaili, Abdullah Suhaili dan lain-lain. Tarikh siaran 1 Januari, 1985 jam 8.35 malam.

Gambar kiri ialah salah satu adegan dalam drama tersebut.

# isari minggu ini

Aslirama akan menerima hadiah anyak $2,000.00. sebuah Piala Re-ingan. Naib Juara menerima ebuah Piala Iringan. Sementara a menerima $1,000.00 dan sebuah ngan wang tunai $400.00 tiap-tiap semua finalis sebagai hadiah sa-

ngan di malam kemuncak itu ia-ang tidak asing lagi, RAFEAH

ramai-ramai menyaksikan Pertan-k itu. Tiket-tiket percuma boleh-i Radio Televisyen Brunei pada abat dibuka.



Buang ... bintang undangan rtandingan Bintang Aslirama.

*Hiburan TV:*

## Bersama Rafeah Buang

SEBUAH rancangan hiburan akan diadakan/dirakamkan untuk tuntunan orang ramai dan peminat-peminat seni suara di seluruh tanahair. Rancangan itu 'BERSAMA RAFEAH BUANG' akan dihos-sendiri oleh biduanita, Rafeah Buang dengan dua orang artis tempatan Jaini Md. Taib dan M. Nordin diundang sama untuk menjayakan rancangan itu.

Peminat-peminat seni suara dan orang ramai yang ingin menyaksikan rancangan itu dipersilakan datang ke Dewan Raya RTB pada hari Ahad, 30 Disember, 1984 jam 7.30 malam.

Masuk untuk menyaksikan malam hiburan itu adalah percuma.

Datanglah sambil berhibur dan dihiburkan.



**DIKELUARAN** pertama bagi tahun 1985, rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar menemui awda dengan pesertanya Dayang Fatimah Haji Ahad beralamat A3 Ang's Flat, Jalan Teraja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Dayang Fatimah Haji Ahad akan bersama awda dengan lagu-lagu pilihannya, pada hari Selasa 1 Januari, 1985, jam 4.00 petang.

## *AYAH* — tajuk sandiwara radio minggu ini

'AYAH,' begitulah tajuk Sandiwara Radio Minggu Ini yang dihasilkan oleh penulis Mayu. Sabah Malaysia.

Melalui Ayah, penulis cuba membayangkan betapa perlunya kita sesama insan untuk memberikan kemaafan kepada setiap kesilapan yang mungkin telah orang lain lakukan kepada kita baik secara senghaja atau sebaliknya.

Watak Marni yang sudah lama menaruh perasaan dendamnya terhadap ayahnya yang telah dua puluh tahun tidak mengindahkan hal-ehwal mereka, tetap berkeras hati tidak mahu memberikan kemaafan kepadanya bila saja ia kembali kepangkuan keluarganya setelah sekian lama menghilang.

Ibu Marni sendiri pada mulanya merasa sukar hendak menerima kepulangan suaminya, setelah begitu lama mereka dibiarkan berhempas-pulas berjuang untuk hidup secara bersendirian. Tapi setelah ia mengetahui akan kesihatan suaminya yang terjejas, timbul rasa simpatinya dan menimbangkan untuk menerimanya kembali.

Apa yang menjadi masalah sekarang ialah bagaimana untuk melembutkan dan merubah hati Marni agar ia dapat memaafkan kesalahan ayahnya. Kerana ia sendiri tidak dapat memujuknya, iapun meminta bantuan Rizal untuk menasihati Marni. Rizal setuju.

Malangnya, segala usaha Rizal juga mendapat kegagalan. Ayah Marni memang tahu benar akan kekerasan hati Marni itu. Walaupun begitu ia masih belum merasa puas selagi ia belum berkesempatan untuk menerangkan kedudukan yang sebenarnya terhadap isterinya.

Untuk tujuan itu, ia senghaja datang menemui isterinya ketika Marni bekerja. Satu-satunya yang paling diharapkannya ialah kemaafan dari anaknya Marni. Bagaimanakah caranya untuk mendapatkan kemaafan itu? Mungkinkah hati Marni akan berubah akhirnya? Ikutilah siarannya pada 30 Disember, 1984 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.

Resipi Minggu Ini:

## *GADO-GADO PADANG*

BAHAN-BAHANNYA :

- $\frac{1}{2}$ paun daging untuk dibuat semor
- $\frac{1}{2}$ paun daging untuk dijadikan kebab
- 2 kati ubi kentang (dibahagi dua)
- 5 biji telur ayam direbus
- 20 batang lada kering
- 15 biji bawang merah
- $\frac{1}{2}$ biji kelapa (ambil 1 gelas santan pekat)
- $\frac{1}{2}$ kati kacang tanah digoreng
- $\frac{1}{2}$ biji sayur kubis
- $\frac{1}{2}$ kati tauge
- 1 sudu makan minyak makan
- 1 biji timun yang muda
- $\frac{1}{2}$ kati kacang panjang
- sedikit kerupuk belinjan dan sedikit belacan, garam, asam dan gula secukup rasa.

CARA MENYEDIAKAN KUAHNYA :

Lada kering digiling. Kacang tanah digiling bawang merah dihiris dan digoreng. Bila sudah garing digiling halus. Belacan dibakar, digiling bersama bahan lada tadi. Kacang dicampur dengan air asam, gula, garam dan bawang tadi, serta air biasa. Tumiskan lada bersama minyak masak sampai garing dan campurkan pada bahan-bahan kacang tadi. Setelah itu masukkan santan, masak sampai pekat, barulah diangkat.

BAHAN-BAHAN SAYURNYA :

Ubi kentang direbus dan dipotong-potong. Timun dipotong, kubis dihiris-hiris dan dicelur, kacang panjang dicelur, tauge dicelur, bila telah siap atur dalam pinggan berlapis di atas. Tuang kuahnya dan atur daging dan kebab yang sedia dibuat.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 26 DISEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TEETIME AND CLAUDIA
4.45 FRAGGLE ROCK
5.15 IT'S YOUR MOVE
5.40 SUPERFRIENDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 SUPERFRIENDS — sambungan
6.24 AZAN MAGHRIB
6.34 TEKA TEPAT.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 HART TO HART: "Death Dig" 'Ketika bercuti di Pulau Rhodes yang indah, pasangan Harts mendapati diri mereka terperangkap dalam sebuah skim penyeludupan barang-barang tiruan silam Yunani — dan hampir terjerumus dalam proses itu'.
7.39 AZAN ISYAK
7.43 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 FORUM: 'Prestasi Pasukan Bolasepak Kebangsaan'
Pengerusi: Haji Hashim Haji Abdul Hamid
Penal: Haji Tuah Nordin, Mohd Noor Haji Abdullah, Morni Hj Mohammed
10.00 THE MISSISSIPPI: 'Abigail'
10.50 TAYANGAN GAMBAR: "Crash Of Flight 401" "Drama mengisahkan Kapalterbang L-1011 yang paling selamat dan termaju pernah direka, jatuh terhempas ke dalam paya-paya Everglade pada 29 Disember, 1972 dalam penerbangannya dari New York ke Florida. Menggambarkan kemalangan itu dan usaha menyelamatkan 73 orang penumpangnya yang dipercayai tidak boleh diselamatkan, tetapi sebaliknya terselamat.'
12.25 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 27 DISEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 AGAINST THE ODDS
6.24 AZAN MAGHRIB
6.34 SHORT STORY THEATRE: 'Butch Minds The Baby'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 TRAUMA CENTER: 'Smash Up' (Siri terakhir)
7.39 AZAN ISYAK
7.43 TRAUMA CENTER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.55 DOCUMENTARY — Afghanistan The 5th Year
10.25 THE AGATHA CHRISTIE HOUR: 'The Case Of The Middle-Aged Wife' 'Encik Parker Payne setelah lama mempelajari pengajian statistik, beliau mempunyai cara untuk membahagikan seseorang. Bagi Maria, yang tersiksa oleh perbuatan suaminya yang tak setia, Parker Paynelah jawapannya. Tetapi hasil-hasil rawatan itu menghairankan setiap orang'.
11.15 THREE'S COMPANY: 'A Crowded Romance'
11.45 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 28 DISEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

**PETANG**

1.25 SPORTS: JUDO — Further Skill TABLE TENNIS — Perfecting Your Game.
1.45 ANIMALS IN ACTION: "Baby Bird" 'Ada dua jenis anak burung, ada yang penuh dengan bulu halus dan cergas, meninggalkan sarang dan menanggung hidup mereka sendiri sejurus setelah menetas sementara yang satu lagi tidak berdaya dan buta, duduk di sarang, kadangkala berminggu-minggu ataupun berbulan-bulan'.
2.10 THE YEARLING: 'The Learning Tree'
2.35 HE-MAN AND THE MASTER OF THE UNIVERSE
3.00 KONONNYA: 'Sulung Dengan Bungsu'
3.25 CHALLENGE
3.47 AZAN ASAR
3.51 CHALLENGE — sambungan
4.00 MILLER'S COURT
4.30 AGRICULTURE 2000
4.55 SCIENCE WORKSHOP
5.15 EXPEDITION DANGER
5.45 MAKING THE MOST OF THE MICRO — ulangan
6.00 BERITA AWAL
6.05 MAKING THE MOST OF THE MICRO — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.24 AZAN MAGHRIB
6.34 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 AUTOMAN: 'Staying Alive While Running A High Flashdance Fever'
7.39 AZAN ISYAK
7.43 AUTOMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.30 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.40 SIARAN LANGSUNG BINTANG ASLIRAMA (Peringkat akhir)
10.40 KNOTS LANDING: 'Lest The Truth Be Known'
11.25 NEWHART: "Some Are Born Writers . . . Others Have Writers Thrust Upon Them" 'Atas desakan Joanna, Dick besetuju menolong seorang penulis yang ditentang keras oleh suaminya kerana rancangannya untuk mempunyai kerjaya. Sesudah mendengar katakata Dick yang menggalakkan itu, suami penulis itu menjadi sangat terharu, hinggakan dia bukan saja mengambil keputusan untuk memberi isterinya sokongan moral, tetapi juga untuk meringankan beban tanggungjawab rumahtangga dan penjagaan anak-anak, dia berhenti kerja'.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 29 DISEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 MARINE BOY: "The Whales Of Destruction'
6.00 BERITA AWAL
6.05 BRITANNICA'S PHENOMENAL WORLD: 'The Trembling Earth'
6.24 AZAN MAGHRIB
6.34 GOING BANANAS: "The Bananas Who Knew Too Much'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 KNIGHT RIDER: 'Mouth Of The Snake' Bhg. 1



GAMBAR atas ialah salah satu adegan dalam siri The Paper Chase. Siri ini akan menemui peminatnya pada hari Ahad kira-kira jam 5.10 petang.

7.39 AZAN ISYAK
7.43 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
10.35 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: 'The Fighter' 'Conte, seorang peninju di Mexico mempergunakan hasil kemenangannya untuk membeli senjata bagi membalas dendam di atas pembunuhan yang terjadi dalam tahun 1910'. Pelakon-pelakon: Richard Conte, Lee J. Cobb, Vanessa Brown, dan lain-lain.
12.10 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 30 DISEMBER

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.10 PINK PANTHER INSPECTOR
3.35 THE JEFFERSONS
3.47 AZAN ASAR
3.52 THE JEFFERSONS — sambungan
4.10 FANTASY ISLAND
4.50 ECONOMIC MADE EASY
5.10 THE PAPER CHASE: 'Mrs Hart'
6.00 BERITA AWAL
6.05 FRANKENTEIN JR AND THE IMPOSSIBLE (Siri baru)
6.24 AZAN MAGHRIB
6.34 BENSON

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 SIMON AND SIMON: 'The Disappearance Of Harry The Hat'
7.39 AZAN ISYAK
7.43 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIBURAN — 'Rano Karno dan Iis Sugianto' — ulangan
9.10 GLOBAL REPORT 1984.
10.45 ONLY WHEN I LAUGH
11.10 MASTER OF THE GAME
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 31 DISEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE DUKES OF HAZZARD: 'Tales Of The Vienna'
4.55 SMURS
5.20 EXPLORE: 'Afghanistan' (Siri terakhir)
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.24 AZAN MAGHRIB
6.34 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 T. J HOOKER: "Chinatown"
7.39 AZAN ISYAK
7.43 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DETIK DAN PERISTIWA
9.30 MARI MEMASAK: "Gado-Gado Padang' Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
10.00 GIVE US A CLUE
10.25 DOCUMENTARY SPECIAL "Sir William In Search Of Xanadu'
11.15 THE JEWEL IN THE CROWN: 'The Regimental Silver'
12.00 TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
12.10 PERISTIWA DUNIA.
1.00 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 1 JANUARI, 1985

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM — Ulangan
12.25 MUSICAL SPECIAL: 'Cobsy, Stills and Nash Concert'
12.30 AZAN ZUHUR
12.35 MUSICAL SPECIAL — sambungan
1.30 COMEDY SPECIAL: 'It's Your Move'

**PETANG**

2.05 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Dia Ibu Ku'
3.50 AZAN ASAR
3.55 HIBURAN: 'Bersama Maria Bachok'
4.20 CANDID CAMERA' 25TH BIRTHDAY PARTY
5.10 CHILDREN'S SPECIAL: 'Wild Boy — Highland Adventure'
6.00 BERITA AWAL
6.05 ANIMATION SPECIAL: 'Gidget Makes The Wrong Connection'
6.27 AZAN MAGHRIB
6.37 ANIMATION SPECIAL — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 THE FALL GUY: "Dirty Laundry' (Siri terakhir)
7.40 AZAN ISYAK
7.44 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DRAMA TEMPATAN: 'Hilangnya Mak Joyah'
9.20 RUMPUN BUDAYA
9.45 DYNASTY: 'The Mortgage'
10.35 MUSICAL: 'New Brighton Rock'
11.50 SIARAN TAMAT.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN :**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

### HARI RABU 26 DISEMBER

PAGI : 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI : 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG : 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 —Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Bangsawan Di Udara (Ganjamara siri kedua), 5.00 — Rampai Petang, 5.15 — Sudut Pelita (SU), 5.45 — Senandung Senja.

MALAM : 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai 9.15 — Hiburan Malam.

### HARI KHAMIS 27 DISEMBER

PAGI : 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI : 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

PETANG : 2.00 — Tetamu Minggu Ini (SU), 2.30 — Fokus, 3.15 — Hiburan Petang, 3.25—Majalah Ugama, 4.00—Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM : 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

### HARI JUMAAT 28 DISEMBER

PAGI : 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI : 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG : 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.25 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Hiburan Petang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM : 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

### HARI SABTU 29 DISEMBER

PAGI : 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI : 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 2.00—Permintaan Hujung Minggu.

PETANG : 3.15 — Hiburan Petang, 3.25 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM : 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

### HARI AHAD 30 DISEMBER

PAGI : 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Hiburan Pagi Minggu, 10.15 — Majalah Perdana, 11.30 — Sandiwara Radio, 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat.

TENGAH HARI : 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG : 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih (SU), 5.00 — Tetamu Radio, 5.45—Senandung Senja.

MALAM : 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Philihan Pendengar.

### HARI ISNIN 31 DISEMBER

PAGI : 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 —Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Sukma Ria.

TENGAH HARI: 1.30—Permintaan Hari Isnin.

PETANG : 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan (SU), 3.30 — Alam Remaja, 4.15 — Ruangan Katani, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM : 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Kuliah Ugama (SU), 8.45 — Hiburan Malam, 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

### HARI SELASA 1 JANUARI, 1985

PAGI : 8.15—Titah Tahun Baru 1985 (SU), 9.00 — Detik Dan Peristiwa 1984, 10.15— Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.00 — Untuk Awda.

TENGAH HARI : 1.30 — Drama Khas Tahun Baru (Rebung Tak Miang).

PETANG : 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan, 3.15 — Liputan Khas Pusat Latihan Kesenian Dan Pertukangan Tangan, 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, Senandung Senja.

MALAM : 7.00 — Ruangan Katani (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

### Wednesday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 33rd Cheltenham Festival : Beethoven Sonatas (Prog 2 side 2 of 3 & side 3 of 3).
9.30 Talking About Music—296.

### Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Sixty-Minute Theatre : Martyr of the Hives by Peter Redgrove.
9.30 Johnny Mathis In Concert with the Gordon Rose Orchetar.

### Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Fifteen Minute Theatre : "Mozart And Salieri" by Alexander Pushkin.
11.15 Light Music From The Netherlands — 637.
11.30 Children's Half Hour

NOON

22.00 1980 Cambridge Folk Festival : Sonny Terry and Brownie McGhee — 4/10.
12.45 My Music — 334/436.

P.M

2.15 Book Club : The Hobbit by J.R.R. Tolkien — 15/15.
1.30 Break for music with Malay traditional songs — 53.
1.45 Just for variety by continuity announcer.
2.00 Soundtrack of the Sixties (K842—10 side 2B & 3B).
4.00 Chinese programmes.
8.00 The World of Books
8.30 Thirty-Minute Theatre : Mystery Tour by David Wheeler.
9.00 Perspective
9.30 A Date With ...... (repeat)

### Saturday

P.M.

8.00 Hits In Germany.
8.30 Just A Minute — 293/299.
9.00 Ciiff Carpenter and His Orchestra—(RB/186/996 side 1)
9.30 Top of The Pops — 1048.

### Sunday

A.M.

11.00 In The Psychiatrist's Chair : Chris Bonington — 12/12.
11.30 Practical World
11.45 London This Week

NOON

12.00 A Date With ......

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 1048 (repeat)
1.30 Weekend Greetings
2.45 "Yes Minister" Episode 6: The Devil You Know.
3.15 Just for variety
8.00 In The Psychiatrist's Chair: Chris Bonington (repeat).
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 45/60.
9.30 Soundtrack of the Sixties (K842—11 side 1A).

### Monday

P.M.

8.00 Klaus Wunderlich and Orchestra (side 1)
8.15 Brunei '84 — The New Era
9.30 The Guitar Greats : Joe Walsh (side 1 & 2 or 2)
10.30 Dance Music
11.30 Short Story : Close Encounters of the worst Kind by Tim Stout.

### Tuesday

A.M.

11.45 Ringing In The New Year.
11.00 Brunei '84: The New Era (repeat).
12.00 Announcer Sing-along
12.45 Fifteen Minute Theatre : Mercenary by Ken Blakeson
1.00 A live request by telephone programme.
3.00 A Date with Afendi Agus and the Split Times
4.00 Chinese Programmes.

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Just For You (continued)

### Daily

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast
7.30 Local News with Tide Times
7.35 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.
12.30 News followed by Brunei In History, and Weather Forecast
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays

P.M.

9.15 News.

POLIS DIRAJA BRUNEI

# KERJAYA POLIS

BELIA-BELIA YANG
BERKELAYAKAN
AMBILLAH LANGKAH
KE HADAPAN
UNTUK BERKHIDMAT
DEMI
KESEJAHTERAAN NEGARA



▲ PASUKAN PANJI-PANJI



◄ PASUKAN PERONDA KESELAMATAN JALAN RAYA



CAWANGAN PASUKAN SIMPANAN ►




▲ CAWANGAN POLIS LAUT

BORANG-BORANG PERMOHONAN BOLEH DIPEROLEHI DARI MANA-MANA JUA BALAI POLIS YANG BERDEKATAN

ATAU

BERHUBUNG TERUS DENGAN PEGAWAI PENGAMBILAN DI IBU PEJABAT POLIS, GADONG

Tel: 23901 Sambungan 228, 229.



◄ CAWANGAN TEKNIKAL SEMBOYAN

▼ PANCARAGAM POLIS



## TANGGAGAJI

REKRUT
$580 + $186 (elaun catuan)

MATA-MATA KELAS II
$625 hingga $695 + $100 (P. elaun)

MATA-MATA KELAS I
$650 hingga $785 + $100 (P. elaun)

KOPERAL
$730 hingga $985 + $100 (P. elaun)

SARJAN
$950 hingga $1080 + $100 (P. elaun)

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PERMOHONAN UNTUK MEMASUKI SEKOLAH MENENGAH INGGERIS KERAJAAN DARI SEKOLAH-SEKOLAH BUKAN KERAJAAN BAGI TAHUN 1985

CALON-calon yang terdiri daripada penuntut-penuntut sepenuh masa yang memenuhi syarat-syarat yang tersebut di bawah ini adalah dipelawa untuk dipertimbangkan bagi memasuki Sekolah-sekolah Menengah Inggeris Kerajaan di Tingkatan I, II, III, IV, V dan VI Bawah bagi Tahun Persekolahan 1985.

Jawatankuasa Dermasiswa adalah bertanggungjawab mengatur dan menentukan di mana seseorang calon yang berjaya dipertimbangkan itu akan ditempatkan iaitu berdasarkan tempat tinggal penjaganya. Pelawaan ini, antaranya, adalah juga tertakluk kepada adanya kekosongan di tingkatan-tingkatan yang dipohonkan.

1. **Syarat-syarat Kemasukan :**

1.1. Sedang belajar di Sekolah Aliran Inggeris sebagai penuntut sepenuh masa.

1.2. Mempunyai kemajuan pelajaran yang baik dan juga memenuhi syarat akademik yang tersebut di bawah ini.

1.2.1. **Bagi Tingkatan I**
Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Primary Certificate of Education.

1.2.2. **Bagi Tingkatan II dan III**
Calon-calon bagi Tingkatan II mestilah mempunyai kelulusan peperiksaan Primary Certificate of Education pada darjah yang sepatutnya dan juga lulus peperiksaan Tingkatan I. Bagi Tingkatan III mestilah mempunyai kelulusan peperiksaan Primary Certificate of Education pada darjah yang sepatutnya dan juga lulus peperiksaan Tingkatan II.

1.2.3. **Bagi Tingkatan IV**
Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education atau peperiksaan yang setaraf dengannya pada tahun 1984.

1.2.4. **Bagi Tingkatan V**
Calon-calon mestilah mempunyai kelulusan Brunei Junior Certificate of Education atau peperiksaan yang setaraf dengannya di samping lulus peperiksaan Tingkatan IV pada tahun 1984.

1.2.5. **Bagi Tingkatan VI Bawah**
Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Brunei Cambridge pada Peringkat Biasa atau Peperiksaan Awam yang setaraf dengannya pada tahun 1984 dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei bagi memasuki Tingkatan VI Bawah pada tahun 1985.

2. **Tarikh Permohonon :**

2.1. Permohonan bagi Tingkatan I, IV dan VI Bawah mula dibuka masing-masing apabila keputusan peperiksaan Primary Certificate of Education, Brunei Junior Certificate of Education dan Brunei Cambridge pada Peringkat Biasa bagi tahun 1984 diumumkan sementara bagi Tingkatan II, III dan V setelah keputusan peperiksaan sekolah bagi tahun 1984 diumumkan.

2.2. Permohonan bagi Tingkatan I, IV dan VI Bawah ditutup DUA MINGGU selepas tarikh keputusan peperiksaan yang berkaitan diumumkan dan bagi Tingkatan II, III dan V setelah keputusan peperiksaan sekolah bagi tahun 1984 diumumkan.

2.3. Permohonan yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan, bagaimanapun pertimbangan khas hanya akan diberikan pada pemohon-pemohon yang mana penjaganya adalah :—

2.3.1. Pegawai Kerajaan Expatriate yang berkontrak atau yang dalam perkhidmatan sebulan ke sebulan yang baharu memulakan perkhidmatan dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

2.3.2. Pegawai dan Kakitangan Jabatan-Jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sama ada yang dalam perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan, open vote, bergaji hari atau expatriate berkontrak yang diaturkan bertukar kerana tugas dari satu daerah ke daerah yang lain yang mana tidak terdapat sebarang kemudahan untuk meneruskan pelajaran ke sekolah bukan Kerajaan.

3. **Bayaran Sekolah**

Calon-calon yang bukan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang berjaya memasuki Sekolah-sekolah Menengah Inggeris Kerajaan akan dikenakan Bayaran Sekolah iaitu mengikut kadar yang dinyatakan dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Brunei Bil. 16/1984 bertarikh 14 Februari, 1984. Calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah dikecualikan daripada dikenakan bayaran ini.

4. **Borang-borang Permohonan**

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada :—

Unit Dermasiswa dan Kebajikan
Latihan Dalam Perkhidmatan dan
Bimbingan Bakat Kerja,
Pejabat Pelajaran,
Kementerian Pelajaran dan Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Atau

Penyelia Sekolah-sekolah Daerah Tutong,
Pejabat Pelajaran,
Tutong.

Atau

Penyelia Sekolah-sekolah Daerah Belait,
Pejabat Pelajaran,
Kuala Belait.

Atau

Penyelia Sekolah-sekolah Daerah Temburong,
Pejabat Pelajaran,
Temburong.

5. Borang-borang yang sempurna diisikan berserta dengan ke semua sijil-sijil berkaitan hendaklah disahkan oleh Pengetua Sekolah masing-masing sebelum dihadapkan kepada :—

Setiausaha Jawatankuasa Dermasiswa,
Unit Dermasiswa dan Kebajikan,
Latihan Dalam Perkhidmatan dan
Bimbingan Bakat Kerja,
Pejabat Pelajaran,
Kementerian Pelajaran dan Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

## JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI
## TAWARAN RESTORAN STADIUM HASSANAL BOLKIAH GADONG
## IBU PEJABAT POLIS DIRAJA BRUNEI, GADONG

TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan untuk menguruskan sebuah Restoran di Bangunan Stadium Hassanal Bolkiah Gadong, Negara Brunei Darussalam.

1) Borang tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati di Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong pada tiap-tiap hari bekerja 8.00 pagi hingga 4.00 petang dari Setiausaha Majlis Kebajikan dan Sukan Polis Diraja Brunei.

2) Borang tawaran hendaklah disertakan dengan kenyataan yang telah lalu dan kerja penyajian yang pernah dibuat serta senarai makanan, minuman dan jenis masakan yang akan dijual termasuk harganya.

3) Segala tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Majlis Kebajikan dan Sukan Polis Diraja Brunei, Ibu Pejabat Polis, Gadong dan sampul surat itu mestilah ditutup rapi dengan tidak menaruh tanda-tanda atau nama pengirim kecuali dengan perkataan berikut:—

TENDER RESTORAN
STADIUM HASSANAL
BOLKIAH
GADONG.

4) Tawaran ini akan ditutup pada hari Isnin 31 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

5) Majlis Sukan Polis tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## *TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM*

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 431 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/JPK018 & 84AB/JPK019
PEMBINAAN PEJABAT BAGI PEGAWAI JURURAWAT DAN BILIK KAD, RUMAH SAKIT DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 31 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 432 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. AD/432/1901
PEMBINAAN SEBUAH BILIK KAWALAN, BALAI BOMBA, MENARA DRILL DAN PONDOK PEMERIKSAAN KESELAMATAN DAN LAIN-LAIN DI KEM PENANJONG, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 31 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 433 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 84AB/DTM002
CADANGAN PENARUHAN KERETA, PEJABAT DAERAH, BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Januari, 1985.
Tarikh tutup : 14 Januari, 1985.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 434 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 36/10
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PWD No.: 1006 DAN 1053 BALAI POLIS SENGKURONG DAN LUMAPAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Januari, 1985.
Tarikh tutup : 14 Januari, 1985.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: 435 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No. : 84AB/145
MEMBEKAL ALAT-ALAT LUKISAN PEJABAT DAN BAHAN-BAHAN CETAKAN BAGI TEMPOH SATU TAHUN UNTUK JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Januari, 1985.
Tarikh tutup : 7 Januari, 1985.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: 436 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" (Pemborong Air. Cond) untuk :

PROJEK No.: AD428/100102
PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI CADANGAN BANJARAN CQB DI PENGKALAN ANGKATAN TENTERA LAUT, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Brisma International Consultants, F.12 Kompleks Seri Temasek, Kompleks Membeli-belah Seri, Jalan Tutong, B.S.B., Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Januari, 1985.
Tarikh tutup : 21 Januari, 1985.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 437 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: 84AB/RAM018
KERJA-KERJA ANGKATAN TENTERA DI SERIA — CADANGAN MEMBANGUN SEMULA PEJABAT-PEJABAT DAN STOR-STOR, TUCKER LINE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Bersatu, Tingkat Dua, 146 Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Januari, 1985.
Tarikh tutup : 21 Januari, 1985.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 438 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: AW416/0402
CADANGAN SKIM SALURAN NAJIS PEKAN MUARA, PERINGKAT 2, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Associated Consultants Pte Ltd, No. F11, Kompleks Seri Temasek, Kompleks Membeli-belah Seri, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Januari, 1985.
Tarikh tutup : 28 Januari, 1985.
Cagaran tawaran : $10,000.00 + $100.00 (lukisan).

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI JURUUKUR BAHAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai JURUUKUR BAHAN di Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji:** B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mempunyai ijazah atau Diploma Quantity Surveying daripada sesebuah universiti atau maktab yang diiktiraf yang mengecualikan pemegangnya dari peperiksaan bahagian I dan II Royal Institute of Chartered Surveyors atau mempunyai A.R.I.C.S., ataupun lain-lain kelulusan yang diakui sebanding dengannya.

b) Mempunyai sekurang-kurangnya 6 tahun pengalaman dalam kerja-kerja ukur kuantiti, menaksir bil-bil bahan yang berkaitan dengan semua jenis bangunan-bangunan awam dan persendirian dan lain-lain kerja yang berkaitan.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaruan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 17 Januari, 1985.

(Bilangan iklan: 257/1984)
(E/130/81).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL. 78/1984**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Januari, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

PEMBEKALAN HYDRATED LIME — CA (HO)

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL. 79/1984**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Januari, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

PEMBEKALAN SODA ASH GRANULAR (SODIUM CARBONATE) 1 CWT BAG 50 KILO PER BAG.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL. 80/1984**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Januari, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

PEMBEKALAN PERSPEX SHEET CLEAR BERJENIS-JENIS UKURAN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Syarat-syarat Tawaran**

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 14 Januari, 1985.

2. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurment, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

**BIL.: RC/20**
**MEMBEKAL: PERKHIDMATAN 'LAUNDRY' UNTUK BERAKAS GARISON / TENTERA LAUT/BANGAR (KONTRAK 2 TAHUN).**
Cagaran: $200.00.

**BIL.: PROC/T/14/1985**
**MEMBEKAL: OUTBOARD ENGINES.**
Cagaran: $200.00.

**BIL.: PROC/T/15/1985**
**MEMBEKAL: ENGINE ASSEMBLY.**
Cagaran: $150.00.

**BIL.: PROC/T/16/1985**
**MEMBEKAL: TOOLKIT ELECTRICAL.**
Cagaran: $200.00.

## TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN KASUT KULIT UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN DAERAH TEMBURONG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 30 Januari, 1985 bagi membekalkan.

SEBANYAK LEBIH KURANG 70 PASANG KASUT SETAHUN UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN DAERAH TEMBURONG SEPANJANG TAHUN 1985 DAN 1986.

2. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga tiap-tiap satu pasang kasut dan hendaklah menyertakan bersama-sama surat tawaran contoh kasut yang digunakan. Butir-butir lanjut mengenai dengan bentuk kasut yang biasanya digunakan bolehlah didapati daripada Pejabat Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam.

3. Penawar yang berjaya hendaklah bersedia membuat dan membekalkan setiap pesanan di dalam tempoh tidak lebih 3 minggu dari tarikh Indent dikeluarkan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang tertutup dan bermohor (sealed) serta ditandakan dengan terang.

"TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KASUT KULIT UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN DAERAH TEMBURONG."

Penawar tidak boleh menulis nama-nama di luar sampul surat itu.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TAWARAN UNTUK MEMBUAT DAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN DAERAH TEMBURONG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 30 Januari, 1985 bagi membekalkan.

SEBANYAK LEBIH KURANG 150 PASANG SETAHUN PAKAIAN UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN DAERAH TEMBURONG SEPANJANG TAHUN 1985 DAN 1986.

2. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga tiap-tiap helai seluar dan baju dan hendaklah menyertakan bersama-sama surat tawaran contoh kain yang digunakan. Butir-butir lanjut mengenai dengan bentuk dan kain yang biasanya digunakan bolehlah didapati daripada Pejabat Daerah Temburong, Negara Brunei Darussalam.

3. Penawar yang berjaya hendaklah bersedia membuat dan membekalkan setiap pesanan di dalam tempoh tidak lebih 3 minggu dari tarikh Indent dikeluarkan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang tertutup dan bermohor (sealed) serta ditandakan dengan terang.

"TAWARAN BAGI MEMBUAT DAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN DAERAH TEMBURONG."

Penawar tidak boleh menulis nama-nama di luar sampul surat itu.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL.: PPL/183/1984**

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ALAT HAWA DINGIN BAGI CADANGAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA BELAIT.

Tarikh tutup: 31 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cagaran: $300.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" sahaja (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/184/1984**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PERUMAHAN KELAS "G" BAGI JABATAN PERTANIAN DI KAMPONG PUNI, TEMBURONG.

Tarikh tutup: 28 Januari, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/185/1984**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK RUMAH LAPISAN BAGI STESEN PERTANIAN KAMPONG TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI SALAM.

Tarikh tutup: 28 Januari, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/187/1984**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK RUMAH PEMBIAKAN DAN MEMELIHARA DI STESEN PERTANIAN MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 28 Januari, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/188/1984**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 7 BLOK (12 UNIT) KELAS "E" RUMAH PANGSA (3 BILIK TIDUR) DI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, TUTONG KEM PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 28 Januari, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/189/1984**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK GUDANG SOKONGAN DAN BAHAGIAN TAMBAG DI PELABUHAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 28 Januari, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/190/1984**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BANGUNAN GUDANG TERBUKA DI PELABUHAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 28 Januari, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

## NOTIS TAWARAN JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada 14 Januari, 1985 bagi membekalkan Pakaian Seragam Untuk Kakitangan Jabatan Adat Istiadat.

Keterangan-keterangan lanjut dan borang-borang tawaran boleh diperolehi daripada Jabatan Adat Istiadat Negara, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak.

Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertanda "ADAT ISTIADAT — TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKITANGAN JABATAN ADAT ISTIADAT". Dan nama pemborong tidak perlu dinyatakan di sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada:—

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pejabat Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Pemandu Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU TINGKAT II di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : F. 2-3-4 EB. 5 — $495-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas 11 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalamaan menmandu semua jenis kenderaan merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerajaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Januari, 1985.

( Bilangan iklan : 263/1984 ) ( E/990/74 ).

## Sebagai Penjaga Malam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENJAGA MALAM di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : F.1-2-3 EB.4 — $445-$650 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.

b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.

c) Pemohon-pemohon yang berumur lebih daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.

d) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari adalah diutamakan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Januari, 1985.

( Bilangan iklan : 261/1984 ) ( E/70/80 ).

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka mengenai perkara di atas kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat pada hari Isnin 7 Januari 1985, jam 12.00 tengah hari.

2 Tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat bertutup dan ditulis dengan perkataan "KITAB-KITAB BAHASA ARAB JABATAN HAL EHWAL UGAMA" tanpa membubuh atau menunjukkan identiti pemborong.

3 Wang cagaran tawaran sebanyak $200.00 (dua ratus ringgit sahaja) hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, bahagian Kewangan, Tingkat Pertama, Bilik no: 202, pada bila-bila masa waktu bekerja hingga hari Sabtu 5 Januari 1985, jam 3.00 petang.

4 Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

5. Borang tawaran yang berkenaan boleh didapati di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Tingkat Pertama "BAHAGIAN TAWARAN" Bilik no: 205.

6 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KERTAS PANDUA (DUPLICATE PAPER) KEPADA JABATAN PELAJARAN, KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari hari Isnin 7 Januari, 1985 bagi membekalkan perkara di atas ke Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

**KERTAS PANDUA (DUPLICATING PAPER)**
**( JP/PPP3/Q5 )**

| Jenis | Ukuran | Bahan | Banyak |
|---|---|---|---|
| Bulky (Newsprint) | Fullscap (8¼" x 13") | 55 gsm | 15,000 reams |
| Burnie | Fullscap 8¼" x 13") | 65 gsm | 30,000 reams |
| White South Korea | Fullscap 8¼" x 13") | 70 gsm | 15,000 reams |
| Burnie (Tinted Pink, Blue or Yellow) | Fullscap 8¼" x 13") | 65 gsm | 10,000 reams |

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup bertulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Borang Tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut boleh diperolehi dari Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran sebanyak $500.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Contoh-contoh kertas yang dikehendaki boleh dilihat di Ibu Pejabat, Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas. Tawaran-tawaran yang tidak mengikut specifications (jenis, kualiti, bahan, ukuran) tidak akan diterima.

8. Pembekal-pembekal yang berjaya akan dikehendaki menghantar pembahagian kertas-kertas tersebut ke Sekolah-sekolah, Maktab-Maktab dan Stor Jabatan Pelajaran.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## JABATAN PELAJARAN KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 31 Disember, 1984.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Perkara/Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong bagi :

MEMBEKAL ALAT-ALAT DAN KELENGKAPAN UNTUK SEKOLAH MENENGAH BANGAR, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pelajaran, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 29 Disember, 1984.

Cagaran tawaran $500.00.

## Telecommunications Department Tender Notice

TENDERS are invited for the supply, delivery and Training of Telephone Call-Charge Equipment.

2 Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12 noon on 28th January 1985. Tenders received after the said time and date will be rejected.

3 Tenderers must submit a sample of all of the items called in this Tender to be delivered at the Supplier expense to the Director of Telecommunications, Telephone House, Jabatan Telekom, Brunei Darussalam not later than 21 days after the closing of the Tender.

Tenders which are not supplied with sample will be invaild. Deposit will be forfeited for invalid Tenders.

4 Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :

Tender for The Supply, delivery and Training of Telephone Call-Charge Equipment.

Tender Ref: JTB/SA/3/84 bearing no indication of the name of the tenderer.

5 Detailed tender documents can be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $1,000.00.

6 The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Telecommunications Department Tender Notice

TENDERS are invited for the supply, delivery and Training of Telephone Subsets.

2 Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12 noon on 28th January 1985. Tenders received after the said time and date will be rejected.

3 Tenderers must submit a sample of all of the items called in this Tender to be delivered at the Supplier expense to the Director of Telecommunications, Telephone House, Jabatan Telekom, Brunei Darussalam not later than 14 days after the closing of the Tender.

Tenders which are not supplied with sample will be invaild. Deposit will be forfeited for invalid Tenders.

4 Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :

Tender for The Supply, delivery and Training of Telephone Subset.

Tender Ref: JTB/SA/2/84 bearing no indication of the name of the tenderer.

5 Detailed tender documents can be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of $1,000.00.

6 The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran terletak di Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 14 Januari, 1985.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-12.30 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB, tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL.: PROC/T/1/1985
MEMBEKAL : INFLATABLE LIFE PRESERVER.
Cagaran : $200.00.

BIL.: PROC/T/2/1985
MEMBEKAL : MOTHER BOARD.
Cagaran : $300 00.

BIL.: PROC/T/3/1985
MEMBEKAL : DIESEL ENGINE 220.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/4/1985
MEMBEKAL : DECCA RADAR MODULATOR.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/5/1985
MEMBEKAL : FIN INDICATOR.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/6/1985
MEMBEKAL : BATTERY NICAD 5 VOLT.
Cagaran : $200.00.

BIL.: PROC/T/7/1985
MEMBEKAL : AIRCRAFT WEIGHING KIT.
Cagaran : $500.00.

BIL.: PROC/T/8/1985
MEMBEKAL : LOWERING LINK.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/9/1985
MEMBEKAL : RESETTING TRANSMITTER.
Cagaran : $400.00.

BIL.: PROC/T/10/1985
MEMBEKAL : PUBLIC ADDRESS SYSTEM.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/11/1985
MEMBEKAL : NEOTRONIC AND TOXIC MONITOR.
Cagaran : $200.00.

BIL.: PROC/T/12/1985
MEMBEKAL : TRAILER CARGO 3/4 TON.
Cagaran : $300 00.

BIL.: PROC/T/13/1985
MEMBEKAL : BUKU-BUKU BAHASA MELAYU.
Cagaran : $300.00.

# BRUNEI DARUSSALAM ALU-ALUKAN USAHA PENYELESAIAN PERTIKAIAN DI TIMUR TENGAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika melafazkan titah balas di Majlis Persantapan Malam Kenegaraan yang diberikan oleh DYMM Raja Hussein.

*Laporan: Manap Rahman*

JORDAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa jarak geografi yang memisahkan Negara Brunei Darussalam dengan negara bersahabat Jordan tidak mengenepikan perasaan sensitif terhadap masalah-masalah yang mengganggui Timur Tengah.

Malah menurut Baginda Yang Dipertuan, Negara Brunei Darussalam sentiasa mengalu-alukan usaha-usaha yang dimainkan termasuk Negara Jordan ke arah mencari penyelesaian yang berkebajikan.

Dalam titah balas di Majlis Persantapan Malam Kenegaraan di Istana Basman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menyatakan rasa penghargaan Baginda terutama terhadap kegigihan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Hussein dalam menegakkan perjuangan bangsa Arab dan Palestin.

Titah Baginda, "Kami sesungguhnya menyedari akan peranan yang penting yang dimainkan oleh Kerajaan Jordan dalam mencari penyelesaian yang adil dan mudah-mudahan berkekalan dan juga terhadap kegigihan yang ulung — Yang Maha Mulia sendiri pada menegakkan perjuangan bangsa Arab termasuk bangsa Palestin."

Dalam titah tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam juga menyentuh tentang pendirian Negara Brunei Darussalam terhadap kedudukan Palestin yang menurut Baginda hanya akan dapat dicapai dengan pengembalian semula hak rakyat Palestin terutama dalam menentukan masa depan dan mempunyai tanahair mereka sendiri.

Terdahulu dalam titah Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menyatakan rasa penghargaan Baginda terhadap sokongan persaudaraan yang diberikan ke atas kemasukan Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Islam Sedunia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Baginda juga berharap seperti yang pernah Baginda titahkan di Republik Arab Mesir, yang lawatan Baginda ke Negara Jordan akan mengeratkan lagi persahabatan dan kerjasama antara kedua buah negara.

"Beta sesungguhnya berharap yang lawatan Beta ini akan membuka rantisan jalan bagi kerjasama yang lebih erat di antara Negara Brunei Darussalam dengan Yang Maha Mulia dan Kerajaan Jordan di dalam perkara yang mempunyai kepentingan bersama di antara kedua buah negara," titah Baginda.

## Perubahan pengurusan RBA, gaji kakitangan naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan membuat beberapa perubahan dalam Penerbangan Diraja Brunei. Satu langkah besar dalam rancangan mengisi anak tempatan dalam pengurusan Diraja Brunei diumumkan bersama-sama kenaikan gaji bagi kesemua 560 orang kakitangan, dengan tarikh kebelakang mulai 1 Januari 1984.



PENGIRAN Tengah, Pengurus Am RBA yang baru.

Mulai 1 Januari 1985, Pengurus Am yang baru bagi Penerbangan Diraja Brunei yang dipinjamkan daripada Kerajaan adalah Pengiran Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim.

Berumur 42 tahun, Pengiran Tengah mendapat didikan di Brunei dan United Kingdom dan mendapat diploma dalam Pentadbiran Am dan Masyarakat.

Beliau mula berkhidmat dalam Perkhidmatan Pentadbiran Kerajaan dalam tahun 1971 dan kemudian memegang jawatan dalam Penerbangan Diraja Brunei (sebagai Pengurus Kakitangan); di Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan (sebagai Setiausaha) dan ABDB (sebagai Pegawai Kerahan Tenaga Awam).



AWANG Brahim, Timbalan Pengurus Am RBA.

Mulai dari tarikh yang sama, Awang Brahim bin Haji Ismail 31 tahun (juga dipinjamkan daripada Kerajaan) akan dilantik sebagai Timbalan Pengurus Am dengan tanggungjawab dalam jabatan mengenai kakitangan. Beliau ialah pemegang ijazah B.Sc dalam bidang Kimia dan Diploma dalam Kajian Pengurusan.

Sebagai seorang ahli British Institute of Management, Awang Brahim telah bertugas dengan Kerajaan Brunei sejak tahun 1979.

Awang David Lowe yang telah bertugas sebagai Pengurus Am Diraja Brunei semenjak bulan Disember 1981, akan menjadi Penasihat kepada Penerbangan Diraja Brunei.

Bersama-sama dengan perubahan pengurusannya, Diraja Brunei telah mengumumkan kenaikan gaji bagi semua kakitangannya di Negara Brunei Darussalam dengan tarikh kebelakangan mulai 1 Januari 1984. Kenaikan ini menyamakan tingkatan gaji syarikat ini dengan tingkatan gaji Kerajaan dan sektor perniagaan lain.

## LAPORAN AKHBAR TIDAK BETUL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan melalui Kementerian Pelajaran dan Kesihatan menyesali laporan akhbar The Borneo Bulletin, bertarikh 22 Disember 1984 berhubung dengan dua orang peserta ASEAN Rally yang terdiri dari rakyat Brunei yang mengalami kemalangan dan dirawat di rumah sakit Sibu.

Akhbar itu menyebut bahawa kedua-dua pesakit itu telah pun dipindahkan dari Rumah Sakit Lau King Howe Sibu ke Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Brunei pada hari Selasa oleh pesawat helikopter Angkatan Udara Diraja Malaysia.

Jurucakap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan menganggap laporan tersebut sebagai tidak betul dan mengelirukan kerana kedua-dua pesakit itu sebenarnya masih berada di Sibu ketika laporan itu dapat dibaca di Negara Brunei Darussalam.

Sebenarnya, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah membuat usaha-usaha yang aktif untuk membawa pesakit-pesakit itu pulang ke Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menjalani rawatan lanjut di negara ini.

Awang Abd Rahman bin Haji Damit dari Kampong Lambak tiba pada hari Sabtu sementara Awang Mohd Yusof bin Haji Ismail masih berada di rumah sakit Sibu.

Awang Abd Rahman diterbangkan dari Sibu ke Kuching dengan menggunakan pesawat Sistem Penerbangan Malaysia — MAS dan dari Kuching ke Bandar Seri Begawan dengan Penerbangan Diraja Brunei — RBA.

## Penghargaan Raja Hussein atas keberangkatan Kebawah D.Y.M.M.

JORDAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Hussein melahirkan rasa sukacita dan penghargaan tidak terhingga atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke Jordan, negara ketiga yang dilawat oleh Yang Dipertuan dalam rangka lawatan ke negara-negara Timur Tengah.



DYMM Raja Hussein dari Jordan ketika bertitah di Majlis Persantapan Malam Kenegaraan.

Baginda Raja Hussein juga dalam titahnya mengucapkan tahniahnya ke atas kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dan sekali gus menggabungkan diri berperanan dalam Pertubuhan Persidangan Islam Sedunia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Baginda Raja Hussein bertitah demikian dalam Majlis Persantapan Malam Kenegaraan di Istana Baginda, Istana Basmab bagi meraikan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Seterusnya Baginda bertitah, "Kami di Jordan sentiasa mengikuti peranan yang aktif yang Kebawah Duli Tuanku mainkan di Persidangan Islam kali keempat, Marrocco di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk kali pertama menghadirinya."

Jarak yang jauh dua negara, tambah Baginda Raja Hussein, tidak pernah menyekat Kebawah Duli Tuanku dan Rakyat Negara Brunei untuk memahami masalah dan isu yang sekarang melanda negara-negara Islam di sini.

Baginda Raja Hussein juga mengharapkan yang dengan keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ke Negara Jordan akan lebih mengeratkan perhubungan dua hala di semua bidang.

"Beta berdoa kepada Allah semoga akan melimpahkan keberkatan dan kejayaan bagi tujuan dan matlamat serta harapan kita bersama, jujur dan berkemanfaatan," titah Baginda.

## Keputusan peperiksaan PCE/SPR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Peperiksaan Brunei telah mengumukan keputusan peperiksaan Primary Certificate of Education dan Sijil Pelajaran Rendah yang telah diadakan dalam bulan Oktober lepas.

Daripada seramai 4,267 calon yang menduduki peperiksaan P.C.E., seramai 3,430 telah lulus. Peratus yang lulus adalah bersamaan dengan 80.38 peratus.

Dalam peperiksaan S.P.R. pula seramai 281 calon telah lulus daripada 506 calon yang menduduki peperiksaan tersebut, iaitu bersamaan dengan 50.79 peratus.

## Peraduan mencipta logo Institut Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai adalah dipelawa untuk menyertai peraduan mencipta satu lambang (logo) bagi Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah sesuai dengan penukaran tarafnya dari sebuah Maktab kepada sebuah Institut Pendidikan.

Lambang tersebut hendaklah mempunyai ciri-ciri yang melambangkan tarafnya sebagai sebuah Institut Pendidikan dengan melambangkan peranannya sebagai sebuah Institusi Pendidikan di Negara Brunei Darussalam dan melambangkan dasar Negara Melayu Islam Beraja.

Peraduan tersebut terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan setiap ciptaan logo hendaklah berukuran 13" × 10".

Semua ciptaan hendaklah dihantar kepada Pengarah, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah sebelum 20 Januari, 1985.

Pencipta lambang yang terbaik dan terpilih untuk dijadikan lambang Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah akan menerima hadiah wang tunai sebanyak B$1,000.00

Borang untuk mengikuti peraduan mencipta logo ini bolehlan diperolehi dari Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam atau dari Penyambut Tetamu, Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.